

KURIKULUM STANDARD KELAS PERALIHAN

AMALAN
BAHASA
MELAYU

KELAS PERALIHAN

PENULIS

Wan Norlidza binti Wan Mohd Zain
Haslindar Nor binti Ismail
Faridah binti Nazir

JAWATANKUASA PENINGKATAN MUTU

Azhar bin Md Sabil
Zuraimah binti Mohamad
Kamarudin bin Jeon
Lizawati binti Ahlit
Kamshuri bin Kadir

EDITOR

Muhammad Hisyam bin Haliah
Fazilah binti Mohamedeni

PEREKA BENTUK

Hasnah binti Mohamed

ILUSTRATOR

Zamri bin Mukapit



DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2019



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0086

KK 499-221-0102011-49-2519-30101

ISBN 978-983-49-2519-2

Cetakan Pertama 2019

© Kementerian Pendidikan Malaysia 2019

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Dewan Bahasa dan Pustaka,

Jalan Dewan Bahasa,

50460 Kuala Lumpur.

No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)

No. Faksimile: 03-21479643

Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:

Attin Press Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Palatino

Saiz Muka Taip Teks: 11 poin

Dicetak oleh:

Unggul Printing (KL) Sdn. Bhd.,

No.17, Jalan Hitech 6/1,

Kawasan Perindustrian Hitech 6,

43500 Semenyih, Selangor.

PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pegawai-pegawai Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pegawai-pegawai Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Panel Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Pakar Rujuk Bahasa, Profesor Madya Dr. Norliza binti Jamaluddin
- Tourism Malaysia, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
- Arkib Negara Malaysia
- Kementerian Kesihatan Malaysia
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN)
- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
- Sekolah Menengah Kebangsaan Cochrane Perkasa, Kuala Lumpur
- Sekolah Seni Malaysia Kuala Lumpur
- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Victory Yaya
- Mastor Craft and Collection
- Semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menjayakan penerbitan buku teks ini.

KANDUNGAN

PENDAHULUAN	iv
PEMETAAN KANDUNGAN	vi
MUTIARA KATA	1



UNIT 1	KENALI DIRI SENDIRI DAN RAKAN SEBAYA	2
UNIT 2	HIDUP BERSYUKUR	20
UNIT 3	MENGENAL NOMBOR	38
UNIT 4	UTAMAKAN KESELAMATAN	54
UNIT 5	SEJARAH DAN KITA	70
UNIT 6	KENIKMATAN HIDUP	88
UNIT 7	KREATIVITI DAN INOVASI	106
UNIT 8	KENALI BENTUK	122
UNIT 9	BUMIKU	138
UNIT 10	REZEKI KITA	156
UNIT 11	PASAR RAYA	174
UNIT 12	TAMAN KESAYANGANKU	190
UNIT 13	IDENTITI NEGARA	208
UNIT 14	HARGAI SUMBER AIR	224
UNIT 15	SENI WARISAN BANGSA	242

GLOSARI	260
SENARAI RUJUKAN	262
INDEKS	264

PENDAHULUAN

Penghasilan buku teks *Amalan Bahasa Melayu Kelas Peralihan* ini berdasarkan kurikulum baharu bagi kelas peralihan yang dilaksanakan mulai tahun 2019. Kurikulum baharu yang dikenali sebagai Kurikulum Standard Kelas Peralihan (KSKP) dilaksanakan bagi menggantikan Kurikulum Kelas Peralihan (Semakan 2003). Buku teks ini ditulis untuk memenuhi keperluan dasar baharu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan selari dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Buku teks ini berupaya untuk membantu guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dengan lebih efisien berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Kurikulum Standard Kelas Peralihan (KSKP).

Kandungan buku teks *Amalan Bahasa Melayu Kelas Peralihan* mengandungi empat tema, iaitu Aku dan Negaraku, Sayangilah Kurniaan Tuhan, Bermain dengan Angka, dan Hidup Sejahtera. Melalui keempat-empat tema ini, murid berupaya untuk mencapai tahap kecekapan berbahasa dalam pelbagai pengalaman pembelajaran. Kandungan buku teks ini juga menekankan keupayaan murid menguasai kosa kata dan istilah serta dapat mengaplikasikan pengetahuan tersebut melalui pembinaan ayat berdasarkan bidang ilmu pengetahuan yang merentas Kurikulum Bahasa Melayu seperti ilmu sejarah, sains, matematik, serta reka bentuk dan teknologi. Selain itu, aktiviti yang dimuatkan dalam buku ini disesuaikan dengan Pembelajaran Abad Ke-21, selain menekankan pembelajaran didik hibur di dalam bilik darjah.

Buku teks ini memaparkan bahan rangsangan dalam halaman berkembar dengan mengadunkan teks dan grafik dalam pelbagai reka bentuk dan warna. Diharapkan persembahan buku ini dapat memberikan pengalaman yang menyeronokkan kepada murid semasa proses pembelajaran. Selain itu, buku ini dapat membantu guru untuk merancang aktiviti di dalam bilik darjah dengan menentukan modul, tema, perincian tema, dan kemahiran yang perlu diterapkan. Guru juga disarankan untuk mengubah suai aktiviti mengikut tahap kebolehan dan keupayaan murid. Ikon-ikon yang menarik digunakan untuk memudahkan pemahaman bahagian-bahagian tertentu dalam buku ini.

Aktiviti



Gerak kerja atau arahan aktiviti yang dirancang untuk mencapai Standard Pembelajaran (SP).

QR Code



Imbasan kod bagi mendapatkan maklumat tambahan berkaitan dengan kandungan pembelajaran.

Anggota Badanku

Aktiviti

1. Namakan anggota badan rakan anda.
2. Nyanyikan lagu *Anggota Badanku*.
3. Nyatakan fungsi anggota badan.

Anggota badan sangat penting kepada manusia. Oleh sebab itu, kita perlu menjaga kesihatan diri kita.

Anggota Badanku

Mata saya, telinga saya
Hidung saya, mulut saya
Tangan saya, juga kaki saya
Mata ada dua, telinga dua.
Hidung satu, mulut juga satu
Tangan dua, kaki dua
Semua anggota sihat dan sempurna
Saya gembira, saya suka hati.
(Korus)
Saya sihat selalu
Saya sayang badan saya
Saya sihat selalu
Saya sayang badan saya.

Mata, telinga, hidung dan mulut
Jaga selalu kebersihannya
Kaki, tangan jangan dilupakan
Semua itu anggota badan.
(Melodi lagu *Saya Anak Malaysia*)

HBAS SAYA

Aktiviti Berpasangan



Aktiviti ini untuk memastikan pelibatan aktif setiap ahli untuk mengukuhkan komunikasi dua hala.

Aktiviti Berkumpulan



Aktiviti ini mencakupi perbincangan secara berkumpulan untuk memupuk semangat kerjasama dan semangat bekerja dalam pasukan.

AR Code



Imbasan teknologi yang menggabungkan dunia maya dengan nyata dalam bentuk 2D atau 3D untuk mendapatkan maklumat tambahan dalam bentuk video dan animasi.



Tahukah Anda?

Maklumat atau pengetahuan tambahan bagi sesuatu konsep yang berkaitan dengan bahan atau teks.



Info Bahasa

Terdiri daripada nota-nota tentang tatabahasa yang boleh dirujuk.



Cetusan Minda

Merupakan latihan lanjutan untuk memperkukuh atau memperkaya penguasaan SP. Latihan ini dibuat dengan guru atau tanpa guru.

Mari Berkomunikasi



Melibatkan aktiviti yang menjurus kecekapan berbahasa dan bertutur dalam kalangan murid.

Penilaian



Melibatkan penilaian yang mencakupi pelbagai konstruk dan jenis item untuk menilai penguasaan murid berdasarkan SP.

Selaras dengan ciri pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke-21, buku teks ini menjadikan aktiviti pembelajaran dalam empat bidang tersebut lebih aktif, berpusatkan murid, mencabar kreativiti, serta menyeronokkan. Yang lebih utama, buku teks ini dapat membantu penguasaan dan kelancaran murid berbahasa serta berupaya untuk berkomunikasi secara intensif.

Wan Norlidza binti Wan Mohd Zain
Haslindar Nor binti Ismail
Faridah binti Nazir

PEMETAAN KANDUNGAN

UNIT	TAJUK	SP	SISTEM BAHASA	KEMAHIRAN BERFIKIR
1	Kenali Diri Sendiri dan Rakan Sebaya	Inilah Diriku	1.1.1 Kosakata Umum Istilah Sejarah	Membanding Beza
		Siapakah Dirimu?	1.2.1 Pola Ayat	Mencari
		Ceritaku Ceritamu	1.2.2 Kata Adjektif	Membanding Beza
		Ayuh, Kembali ke Sekolah!	1.3.2 Sebutan dan Intonasi	Membuat Gambaran Mental
		Mari Kita Belajar	1.3.1 Kata Nama Khas	Menjanakan Idea
		Hobi dan Kegemaran Membawa Kejayaan	1.4.1 Sebutan dan Intonasi	Menilai
		Impianku Impianmu	1.4.2 Kata Nama Am	Menjanakan Idea
2	Hidup Bersyukur	Anggota Badanku	2.1.1 Kosakata Umum Istilah Saintifik	Mencari
		Hargailah Dirimu	2.2.1 Ayat Tunggal	Menjanakan Idea
		Sayangi Deriamu	2.3.1 Ayat Tunggal	Membuat Keputusan
		Bersyukurlah Kita	2.3.2 Kata Nama Am	Membanding Beza
		Kasih yang Tertumpah	2.1.1 Kosakata Umum Istilah Saintifik	Menjanakan Idea
		Aku Juga Mampu	2.4.1 Ayat Mudah	Mengaplikasi
		Hargailah Kurniaan Tuhan	2.4.2 Istilah Saintifik	Menganalisis
3	Mengenali Nombor	Kenali Nombor	3.1.1 Istilah Matematik	Mengkategorikan
		Mari Mengira	3.2.1 Istilah Matematik	Menyelesaikan Masalah
		Jelajah Nombor	3.3.1 Istilah Matematik	Menyelesaikan Masalah
		Seronoknya Berniaga	3.3.2 Kata Bilangan	Menyelesaikan Masalah
		Apakah Pecahannya?	3.4.1 Cakap Ajuk	Menganalisis
		Kita Juara	3.4.2 Kata Nama Khas	Membanding Beza
4	Utamakan Keselamatan	Tanggungjawab Saya	4.1.1 Kosakata Umum Istilah Teknologi	Mencipta
		Mari Kita Buat	4.2.1 Kata Perintah	Mencipta
		Disiplin Diri Penentu Kejayaan	4.3.1 Ayat Perintah	Menilai
		Awas, Bahaya di Mana-mana!	4.4.2 Ayat Perintah	Mengaplikasi
		Sediakan Payung sebelum Hujan	4.3.2 Sebutan dan Intonasi	Mengaplikasi
		Cegah sebelum Parah	4.4.1 Ayat Tanya	Menyelesaikan Masalah
5	Sejarah dan Kita	Nilai Sejarah dalam Kehidupan	1.1.1 Kosakata Umum Istilah Sejarah	Menjanakan Idea
		Erti Kemerdekaan	1.2.1 Kata Hubung	Membuat Urutan
		Tanah Airku	1.2.2 Istilah Sejarah	Menyatakan Sebab
		Liku-liku Kehidupan	1.3.1 Ayat Majmuk	Membanding Beza
		Negaraku Sejahtera	1.3.2 Ayat Majmuk	Merumus
		Amanat Merdeka	1.4.1 Cakap Pindah	Menyatakan Hubungan Kait
		Warna-warni Hari Kebangsaan	1.4.2 Ayat Mudah	Membuat Gambaran Mental

UNIT	TAJUK	SP	SISTEM BAHASA	KEMAHIRAN BERFIKIR	
6	Kenikmatan Hidup	Lazatnya Buah-buahan Kita	2.1.1	Kosa Kata Umum Istilah Saintifik	Membanding Beza
		Mari Rasa Makanan Kita	2.2.1	Kata Adjektif	Inkuiri
		Warna-warni Sifat Bahan	2.3.1	Istilah Saintifik	Mensintesis
		Aneka Rasa Minumanku	2.3.2	Kata Majmuk	Menganalisis
		Cuci dan Uji	2.4.1	Ayat Majmuk	Mengkategori
		Beringat sebelum Terkena	2.4.2	Ayat Pasif	Mengitlak
		Waspada Bahaya Menanti	2.4.2	Ayat Aktif	Menilai
7	Kreativiti dan Inovasi	Kenali Bentuk Asas	3.1.1	Kosa Kata Umum Istilah Matematik	Menciri
		Mari Kita Ukur	3.2.1	Ayat Majmuk	Menyelesaikan Masalah
		Kita Fikir, Kita Hasilkan	3.3.1	Ayat Perintah	Mencipta
		Wah, Uniknyanya Bentuk!	3.3.2	Kata Nama	Mencipta
		Lagu, Oh, Lagu!	3.4.1	Istilah Matematik	Menyelesaikan Masalah
		Kita Mampu Mengubahnya	3.4.2	Cakap Ajuk	Membuat Keputusan
8	Kenali Bentuk	Reka Bentuk Kegemaranku	4.1.1	Istilah Teknologi	Menciri
		Hebatnya Reka Bentuk	4.2.1	Frasa Kerja	Membanding Beza
		Tiada yang Lama, Tiada yang Baharu	4.4.1	Sebutan dan Intonasi	Menjanakan Idea
		Aku Sebuah Basikal	4.3.1	Imbuan Apitan	Membuat Urutan
		Prinsip Reka Bentuk	4.3.2	Istilah Teknologi	Menciri
		Kerjaya Idamanku	4.4.2	Ayat Majmuk	Menjanakan Idea
9	Bumiku	Sejuknya Zaman Air Batu	1.1.1	Kosa Kata Umum Istilah Sejarah	Menciri
		Terokailah Zaman Air Batu	1.4.1	Kata Nama Khas	Menganalisis
		Berakhirnya Zaman Air Batu	1.2.1	Kata Terbitan	Mensintesis
		Hebatnya Kesan Pencairan Air Batu	1.2.2	Kata Hubung Gabungan	Mengaplikasi
		Uniknya Benua dan Lautan	1.3.1	Kata Nama Khas Tempat	Menciri
		Muka Bumi Berubah Bentuk	1.3.2	Kata Hubung Pancangan Relatif	Menganalisis
		Asia Tenggara Sudah Berubah	1.4.2	Kata Sendi Nama	Membanding Beza
10	Rezeki Kita	Pengawetan Makanan	2.1.1	Kosa Kata Umum Istilah Saintifik	Membanding Beza
		Cepat dan Mudah	2.4.1	Imbuan Apitan	Menciri
		Pelbagai Kaedah Pengawetan Makanan	2.2.1	Kata Kerja Transitif	Membuat Kesimpulan
		Satu Bahan, Pelbagai Sajian Istimewa	2.3.1	Sebutan dan Intonasi	Membuat Kesimpulan
		Kecur Air Liurku	2.3.2	Ayat Perintah	Membanding Beza
		Tahan Lama, Membazir Tiada	2.3.2	Penanda Wacana	Memindahkan Maklumat
		Mudahnya Urusan Kita	2.4.2	Sebutan dan Intonasi	Menyelesaikan Masalah

UNIT	TAJUK	SP	SISTEM BAHASA	KEMAHIRAN BERFIKIR	
11	Pasar Raya	Mari Berbelanja	3.1.1	Kosa Kata Umum Istilah Matematik	Menghubung Kait
		Ringgit dan Sen Hargaku	3.2.1	Jenis Ayat	Membuat Keputusan
		Jisim dan Isi Padu	3.3.1	Istilah Matematik	Menyelesaikan Masalah
		Bijak Memilih, Menang Berbelanja	3.3.2	Sebutan dan Intonasi	Membuat Keputusan
		Hari Keusahawanan Sekolahku	3.4.1	Kata Terbitan	Menganalisis
		Belanjawan Hari Keusahawanan	3.4.2	Penjodoh Bilangan	Menjanakan Idea
12	Taman Kesayanganku	Mari Kenali Biji Benih	4.1.1	Kosa Kata Umum Istilah Teknologi	Menciri
		Benih Baik, Benih Tidak Baik	4.2.1	Kata Adjektif	Mensintesis
		Ringankan Tugasmu	4.3.1	Kata Perintah	Mengaplikasi
		Uniknya Reka Bentukmu	4.3.1	Ayat Pasif	Menciri
		Medium Pilihanku	4.3.2	Kata Hubungan	Membuat Urutan
		Sayangiku Sebaik-baiknya	4.4.1	Kata Kerja	Menghubung Kait
		Taman Idamanku	4.4.2	Ayat Majmuk	Mengaplikasi
13	Identiti Negara	Mendukung Aspirasi Negara	1.1.1	Kosa Kata Umum Istilah Sejarah	Mengenal Pasti
		Merahnya Menawan Kalbu	1.2.1	Ayat Mudah	Menjanakan Idea
		Aku Si Merah Merona	1.2.2	Sebutan dan Intonasi	Menciri
		Bahasa Teras Perpaduan	1.3.1	Sebutan dan Intonasi	Menghubung Kait
		Lambang Kedaulatan Negaraku	1.3.2	Kata Majmuk	Penilaian
		Jalur Gemilang Kebanggaanku	1.4.1	Kata Perintah	Menyusun Idea
		Rahmat Bahagia Negaraku	1.4.2	Sebutan dan Intonasi	Mengaplikasi
14	Hargai Sumber Air	Hargailah Setiap Anugerah	2.1.1	Kosa Kata Umum Istilah Sainstifik	Membuat Gambaran Mental
		Aku Berubah Bentuk	2.2.1	Ayat Tunggal	Membuat Pemerhatian
		Kenali Proses Perubahan Air	2.3.1	Sebutan dan Intonasi	Membuat Kesimpulan
		Oh, Uniknya Perubahanmu!	2.4.1	Ayat Tanya	Menghubung Kait
		Tentang Hujan	2.1.1	Kosa Kata Umum Istilah Sainstifik	Menyatakan Sebab
		Eratnya Awan dan Hujan	2.3.2	Sebutan dan Intonasi	Menganalisis Sebab dan Akibat
		Sayangi Khazanah Alam	2.4.2	Frasa	Meramal
15	Seni Warisan Bangsa	Sayangi Seni Warisan Kita	1.1.1	Kosa Kata Umum Istilah Sejarah	Menciri
		Yang Lama Dikelek, Yang Baharu Didukung	1.2.2	Ayat Mudah	Menjanakan Idea
		Kreatifnya Seni Terompah	1.2.1	Ayat Tunggal	Mereka Cipta
		Ayuh, Bermain Tating Lawi!	1.3.1	Kata Kerja	Mengaplikasi
		Indah Nian Pakaianmu	1.3.2	Kata Nama Am	Mengenal Pasti
		Cerita Rakyat Cerita Teladan	1.4.1	Sebutan dan Intonasi	Menilai
		Asyiknya Alunan dan Gerak Tarian	1.4.2	Kata Nama Khas	Menjanakan Idea

Petunjuk:

SP: Standard Pembelajaran

MUTIARA KATA

AKU DAN NEGARAKU

“Marilah kita sentiasa beringat bahawa perpaduan ialah kekuatan asas kita sebagai rakyat dan sebagai sebuah negara.”

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj,
Bapa Kemerdekaan Malaysia.

SAYANGILAH KURNIAAN TUHAN

“Lihatlah jauh ke alam, kemudian anda akan mengerti dan menghargai segala anugerah dengan lebih baik.”

Albert Einstein, Saintis.

BERMAIN DENGAN ANGKA

“Bermain dengan nombor sesuatu yang sangat menyeronokkan. Gunakan minda, percayalah anda akan dapat melihat keajaiban yang sungguh luar biasa dalam ilmu matematik.”

Yaashwin Sarawanan,
Bijak Matematik.

HIDUP SEJAHTERA

“Jangan pernah menganggap diri anda yang terbaik. Walaupun suatu hari anda akan menjadi pereka yang tersohor, anda masih perlu terus belajar, bekerja kuat, dan buka minda anda.”

Datuk Jimmy Choo,
Pereka Kasut Tersohor.

Unit 1

KENALI DIRI SENDIRI DAN RAKAN SEBAYA

1. Berdasarkan gambar, apakah aktiviti yang dilakukan oleh mereka?
2. Di manakah aktiviti tersebut berlaku?
3. Ceritakan pengalaman anda dan rakan anda pada hari pertama persekolahan.
4. Bincangkan kebaikan mempunyai hobi, kegemaran, dan cita-cita.





Inilah Diriku



Aktiviti

1. Sebut maklumat yang terdapat pada kad pengenalan.
2. Dengan menggunakan maklumat tersebut, perkenalkan diri anda kepada rakan sekelas.



① Nombor kad pengenalan

② Nama

③ Alamat

④ Jantina

⑤ Taraf

Ini kad pengenalan saya sejak lahir sehingga berumur 12 tahun.

Apa khabar kawan-kawan? Nama saya Lim Ah Nee. Kad pengenalan berwarna merah jambu ini ialah kad pengenalan lama saya. Apabila saya lahir, ibu bapa saya telah mendaftarkan kelahiran saya di Jabatan Pendaftaran Negara. Saya telah menerima kad pengenalan kanak-kanak yang berwarna merah jambu. Kad pengenalan ini saya gunakan sehingga berumur 12 tahun. Selepas saya berumur 12 tahun, saya telah menukarkan kad pengenalan saya, iaitu MyKid kepada MyKad.



Info Bahasa

Kosa kata umum

- nama • alamat • biru
- merah jambu

Istilah sejarah

- warganegara • MyKad
- MyKid

Cetusan Minda

Mengapakah kad pengenalan diri penting?



Ini kad pengenalan baharu saya selepas berumur 12 tahun.

Kad pengenalan berwarna biru ini ialah kad pengenalan baharu saya. Nombor kad pengenalan saya ialah 071211-14-XXX8. Alamat rumah saya ialah No. 6A, Jalan Desa Serdang 15, Taman Desa Serdang, 43300 Seri Kembangan, Selangor. Taraf kerakyatan saya ialah warganegara. Jantina saya perempuan.

Tahukah Anda?

- Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj individu pertama yang mempunyai kad pengenalan. Nombor kad pengenalan beliau ialah 0000001.
- Mulai 1 Januari 2005, semua bayi diberi MyKid. Perkataan *Kid* bermaksud *Kad identiti diri*.

(Sumber: Jabatan Pendaftaran Negara)

1.1.1

Menyebut, memahami dan menggunakan kosa kata umum dan istilah sejarah dengan tepat mengikut konteks.

Siapakah Dirimu?

Aktiviti



1. Nyanyikan lagu *Rakan Baharu Saya*.
2. Berdasarkan bahan, kenali rakan yang duduk di tepi anda.
3. Perihalkan dirinya.



Pada hari pertama persekolahan, anda dan rakan-rakan telah memperkenalkan diri masing-masing. Apabila anda berjumpa dengan rakan baharu, anda hendaklah mengenalinya dengan lebih dekat. Apabila anda mengenali rakan baharu itu, maka mudahlah anda untuk berkawan dengannya.

Rakan Baharu Saya

Yang di tepi saya, siapakah namanya?
Yang di tepi saya, bulan lahirnya bila?
Rakan baharu saya.
Hai, rakan baharu saya!

Yang di tepi saya, Kanchana namanya.
Yang di tepi saya, bulan Julai lahirnya.
Rakan baharu saya.
Hai, rakan baharu saya!

Yang di tepi saya, manakah rumahnya?
Yang di tepi saya, apakah hobinya?
Rakan baharu saya.
Hai, rakan baharu saya!

Yang di tepi saya, di Cheras rumahnya.
Yang di tepi saya, baca buku hobinya.
Rakan baharu saya.
Hai, rakan baharu saya!

(Melodi lagu *Gong Xi Gong Xi*)



IMBAS SAYA



Ceritaku Ceritamu

UNIT 1



Aktiviti

1. Jelaskan peristiwa yang mengembirakan dan yang menyedihkan kepada rakan sekelas secara bertatasusila.
2. Tulis perbandingan peristiwa yang mengembirakan dan yang menyedihkan anda dengan rakan.



Setiap orang ada pengalaman yang mengembirakan dan yang menyedihkan. Pengalaman itu meninggalkan kenangan dalam hidup mereka.



sedih



gembira



takut



bangga




Tahukah Anda?

Peristiwa yang mengembirakan bermaksud perkara yang pernah dilalui oleh seseorang yang menyebabkannya gembira, bangga, dan seronok. Peristiwa yang menyedihkan pula bermaksud perkara yang pernah dilalui oleh seseorang yang menyebabkannya sedih, terharu, dan bimbang.



gembira

Peristiwa yang menggembirakan Lisa apabila rakan sekelas berkongsi duit membelikannya hadiah hari lahir. Hadiahnya ialah seutas jam tangan. Dia sangat gembira dan terharu.




sedih


Peristiwa yang menyedihkan Lisa apabila dia diejek oleh rakan-rakan. Dia sangat malu dan sedih.




malu




bangga



takut



gementar



marah



bersalah



Salam sejahtera semua. Nama rakan saya ialah____.
Peristiwa yang menggembirakan rakan saya____.
Peristiwa yang menyedihkan rakan saya____. Terima kasih kerana sudi berkongsi pengalaman dengan saya.

Ayuh, Kembali ke Sekolah!

UNIT
1

Kenali Diri Sendiri
dan Rakan Sebaya



Aktiviti

1. Baca dan fahami teks ucapan Pengetua dengan sebutan dan intonasi yang betul.
2. Senaraikan pesanan Pengetua daripada teks ucapan.
3. Jelaskan kepentingan kehadiran anda pada hari pertama persekolahan.

Lim Ah Nee, Kanchana dan Alex telah bertemu di tapak perhimpunan pada hari pertama persekolahan. Mereka ditempatkan di dalam satu kelas, iaitu Tingkatan Peralihan Cemerlang. Ikuti pengalaman hari pertama persekolahan mereka.

Murid-murid yang saya kasihi,

Selamat datang ke Sekolah Menengah Kebangsaan Putera Puteri. Saya berharap agar kamu akan belajar bersungguh-sungguh dan menjadi insan berguna. Saya juga berharap agar kamu menjaga imej sekolah dan mematuhi semua peraturan sekolah.

Murid-murid yang saya sayangi,

Amalan menuntut ilmu sangat penting dalam kehidupan kita. Apabila kamu rajin datang ke sekolah, banyak ilmu yang kamu peroleh. Selain itu, kamu dapat berkenalan dengan rakan baharu. Rakan boleh memberikan pengaruh positif antara satu sama lain. Oleh sebab itu, kamu mestilah bijak memilih rakan yang dapat menjadikan kamu cemerlang dari segi akademik dan akhlak.



1

kembali ke sekolah

Cetusan Minda
Pada hari pertama persekolahan, anda akan berjumpa dan berkenalan dengan rakan yang baharu. Apakah soalan yang akan anda ajukan?



Mari Kita Belajar

Aktiviti



- Baca jadual waktu hari persekolahan dengan telitinya.
- Jawab soalan yang berikut berdasarkan bahan:
 - Apakah mata pelajaran yang diajarkan pada waktu ketiga dan kelima hari Isnin?
 - Apakah mata pelajaran yang diajarkan pada waktu terakhir hari Rabu?
 - Senaraikan semua mata pelajaran yang diajarkan pada hari Jumaat.
 - Mengapakah mata pelajaran PJK diajarkan selepas rehat?
 - Berikan sebab perhimpunan rasmi mesti diadakan pada setiap minggu.
- Dengan merujuk jadual waktu kelas anda, catat maklumat tersebut dalam bentuk carta alir.

UNIT
1

Kenali Diri Sendiri
dan Rakan Sebaya

Portal Rasmi
SMK PUTERA PUTERI
smkputeraputeri.blogspot.com

Laman utama Profil sekolah Murid Ibu bapa Pelawat Laporan guru **Jadual waktu**


Selamat Kembali ke Sekolah kepada Semua Warga SMKPP
Terima Kasih Cikgu

Waktu	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
Hari	1:20 – 1:50	1:50 – 2:20	2:20 – 2:50	2:50 – 3:10	3:10 – 3:40	3:40 – 4:05	4:05 – 4:30	4:30 – 4:55	4:55 – 5:20	5:20 – 5:45	5:45 – 6:10	6:20 – 6:40
Isnin	PR	BT/BC	ABM	R	BI	BM		ABM		PJK		
Selasa	ABM		BI	E	BM			PSV		BT/BC		
Rabu	BT/BC		ABM	H	BI		BM		PJK	ABM		
Khamis	ABM		BT/BC	A	BM			BI		BT/BC	BI	
Jumaat			BM	T	BM			ABM				

Cari
Pengumuman
Popular

APDM
E-OPERASI
HRMIS
SAPS

Ibu Kanchana datang ke sekolah untuk berjumpa dengan Cikgu Kamshuri. Beliau mahu mengetahui guru mata pelajaran yang mengajar murid Tingkatan Peralihan Cemerlang. Cikgu Kamshuri telah mendaftar masuk ke laman Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) untuk mengetahui maklumat itu.



Modul

- Data Murid
- Bantuan Murid
- Maklumat Murid Bukan Warga
- Kehadiran
- Mata Pelajaran
- e-Rekod Kesihatan Murid (eRKM)

Senarai Nama Guru yang Mengajar

Bil.	Nama Mata Pelajaran	Petunjuk	Guru Mata Pelajaran
1.	Bahasa Cina	BC	Tey Ming Ren
2.	Amalan Bahasa Melayu	ABM	Kamshuri bin Kadir
3.	Pendidikan Seni Visual	PSV	Rusiah binti Nasir
4.	Bahasa Tamil	BT	Sathiswaran a/l Balakrisnan
5.	Bahasa Inggeris	BI	Cyntia anak Anthony
6.	Bahasa Melayu	BM	Carolina anak Richard
7.	Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan	PJPK	Gunalan a/l Sundrani



Cetusan Minda

Peruntukan waktu rehat murid mesti dimasukkan dalam jadual waktu sekolah. Mengapakah waktu rehat penting kepada murid?



Tahukah Anda?

Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) merupakan laman sesawang yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memudahkan guru menyimpan semua data murid.

Hobi dan Kegemaran Membawa Kejayaan

UNIT
1

Kenali Diri Sendiri
dan Rakan Sebaya



Aktiviti

1. Bersoal jawab tentang hobi dan kegemaran secara bertatasusila.
2. Bincangkan sebab anda memilih hobi dan kegemaran tersebut.



Semasa waktu rehat, Lim Ah Nee, Mei Ling, Felix dan Alex berbual-bual tentang hobi dan kegemaran mereka.

Lim Ah Nee: Selamat pagi, kawan-kawan.

Felix, Alex
dan Mei Ling: Selamat pagi, Lim Ah Nee.

Lim Ah Nee: Felix, saya selalu lihat awak makan buah tembikai.
Adakah itu buah kegemaran awak?

Felix: Ya, Lim Ah Nee. Saya suka makan buah tembikai kerana ____.


Alex: Lim Ah Nee, saya lihat dompet awak berwarna biru.
Betulkah warna kegemaran awak, warna biru?

Lim Ah Nee: Betul, Alex. Saya suka akan warna biru kerana ____.
Bagaimanakah pula dengan hobi awak?

Mei Ling: Hobi saya bermain bola keranjang. Saya suka bermain
bola keranjang kerana ____.

Alex: Hobi saya pula melayari Internet pada waktu lapang.
Kebaikan melayari Internet ialah ____.

Lim Ah Nee: Terima kasih atas perkongsian.



Tahukah Anda?

1. Hobi bermaksud kegemaran yang diamalkan pada waktu lapang.
2. Kegemaran bermaksud apa-apa yang disukai.



bermain bola keranjang



berkuda



berbasikal



melayari Internet



robotik



fotografi



Cetusan Minda

Bagaimanakah hobi dan kegemaran dapat menjanakan pendapatan?

1.4.1

Bersoal jawab tentang sesuatu peristiwa secara bertatasusila.

Impianku Impianmu



Aktiviti

1. Bersoal jawab dengan rakan tentang cita-cita.
2. Bincangkan sebab anda memilih cita-cita tersebut.
3. Bincangkan usaha anda untuk mencapai cita-cita.



Minggu Kerjaya

Bersempena dengan Minggu Kerjaya, Unit Bimbingan dan Kaunseling, SMK Putera Puteri telah mengundang Doktor Hisyam untuk menyampaikan ceramah motivasi kepada murid-murid. Beliau telah berkongsi cara dan pengalaman menjadi seorang doktor.



Semasa saya bersekolah, saya belajar bersungguh-sungguh kerana saya yakin bahawa usaha tangga kejayaan. Saya sentiasa menumpukan perhatian semasa guru mengajar dan selalu membuat ulang kaji. Saya masih mengekalkan sikap tersebut semasa belajar di universiti. Hal ini bagi memastikan saya dapat mencapai impian sebagai seorang doktor. Selepas menamatkan pelajaran, saya mula berkhidmat di sebuah hospital di Kuala Lumpur. Kemudian, saya melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana dalam bidang kardiologi. Kini, saya berkhidmat sebagai pakar kardiologi atau pakar jantung.



Selepas mendengar ceramah motivasi, murid-murid telah melawat ke tapak pameran. Pameran tersebut termasuklah potret tokoh yang telah berjaya dalam bidang masing-masing.




Pandelega Rinong Pamg
Atlet penerjun negara



Profesor Datuk Dr. Teo Kok Seong
Ahli akademik/Tokoh Bahasa



Tan Sri Dato' Dr. Tony Fernandes
Usahawan berjaya/Pemilik syarikat penerbangan



Tan Sri Syed Mokhtar Shah bin Syed Al-Bukhary
Usahawan berjaya/Dermawan



Tahukah Anda?

Profesor Datuk Dr. Teo Kok Seong pernah dianugerahi Tokoh Pemartabat Bahasa Melayu Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi tahun 2012.

1.4.2

Berbincang tentang sesuatu peristiwa sebelum dan semasa dalam pelbagai situasi dengan betul, jelas dan bertatasusila.



Mari Berkomunikasi



Aktiviti

1. Bincangkan ciri-ciri sahabat yang baik yang anda idamkan.
2. Pada pendapat anda, mengapakah kita mesti memilih sahabat yang baik?

Sahabat mempengaruhi perlakuan seseorang. Oleh sebab itu, kita mesti memilih sahabat yang baik.





Penilaian



Aktiviti

Baca maklumat pada borang biodata dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan.

BORANG BIODATA KANCHANA

Nama: Kanchana a/p Govindasamy

Nombor Kad Pengenalan/MyKid: 070712-14-XXX2

Tarikh Lahir: 12 Julai 2007

Kaum: India Agama: Hindu

Alamat Rumah: No. 17, Taman Seraya, 56100 Cheras,
Kuala Lumpur.

Nombor Telefon Bimbit: 011-2345678

Nama Bapa: Govindasamy a/l Ramasamy

Pekerjaan Bapa: Polis

Nama Ibu: Lakshita a/p Rajendra

Pekerjaan Ibu: Suri rumah

Bilangan Adik-beradik: Tiga orang

Kedudukan dalam Keluarga: Anak kedua

Sekolah yang Terdahulu:

1. Tadika Seri Bunga Serdang, Selangor
2. SJKT Taman Serdang, Selangor
3. SJKT Taman Kulai, Johor
4. SMK Taman Kulai Jaya, Johor

- 1 Bilakah tarikh lahir Kanchana?
- 2 Apakah alamat rumah Kanchana?
- 3 Siapakah nama bapa Kanchana?
- 4 Berapakah bilangan adik-beradik Kanchana?
- 5 Kanchana pernah bersekolah di SJKT Taman Serdang, Selangor. Kemudian, dia bersekolah di SJKT Taman Kulai, Johor. Pada pendapat anda, mengapakah dia berpindah sekolah?

Unit 2

HIDUP BERSYUKUR

1. Nyatakan aktiviti yang dilakukan dalam gambar.
2. Apakah keistimewaan hubungan antara manusia, haiwan, dan tumbuhan?
3. Bagaimanakah anda menghargai semua hidupan yang ada di sekeliling anda?
4. Mengapakah kita perlu sentiasa bersyukur dengan anugerah alam?







Anggota Badanku



Aktiviti

1. Namakan anggota badan rakan anda. 
2. Nyanyikan lagu *Anggota Badanku*. 
3. Nyatakan fungsi anggota badan.

Anggota badan sangat penting kepada manusia. Oleh sebab itu, kita perlu menjaga kesihatan diri kita.

Anggota Badanku

Mata saya, telinga saya
Hidung saya, mulut saya
Tangan saya, juga kaki saya
Mata ada dua, telinga dua.

Hidung satu, mulut juga satu
Tangan dua, kaki dua
Semua anggota sihat dan sempurna
Saya gembira, saya suka hati.

(Korus)

Saya sihat selalu
Saya sayang badan saya
Saya sihat selalu
Saya sayang badan saya.

Mata, telinga, hidung dan mulut
Jaga selalu kebersihannya
Kaki, tangan jangan dilupakan
Semua itu anggota badan.

(Melodi lagu *Saya Anak Malaysia*)



IMBAS SAYA

Badan

Kaki



Info Bahasa

Kosa kata umum

- sihat • sayang • sempurna

Istilah saintifik

- kepala • mata
- hidung • telinga
- tangan • kaki
- lutut

UNIT
2

Hidup Bersyukur



Cetusan Minda

Apakah yang akan berlaku sekiranya anggota badan manusia tercedera?



Tahukah Anda?

Mata orang dewasa akan berkedip antara 10 hingga 15 kali seminit. Mata akan pedih jika tidak berkedip selama beberapa saat.

(Sumber: https://www.theregister.co.uk/2006/06/30/the_odd_body_blinking/)

2.1.1

Menyebut, memahami dan menggunakan kosa kata umum dan istilah saintifik dengan tepat mengikut konteks sains.

Hargailah Dirimu



Aktiviti

1. Berdasarkan jalur komik, jelaskan fungsi bahagian anggota badan manusia.
2. Bina ayat tunggal untuk menjelaskan hasil pemerhatian berpandukan fenomena yang berlaku pada anggota badan.

Tiga Sekawan

1 Selamat pagi, kawan-kawan. Hari ini, kaki saya sakit. Semalam, saya terjatuh semasa menyepak bola.

2 Patutlah awak nampak sedih sahaja hari ini.

3 Saya hendak berjalan pun tidak selesa.

4 Kasihannya awak, Adrian.

5 Bagaimanakah keadaan tangan awak yang cedera tempoh hari, Lim?

6 Tangan saya sudah beransur pulih tetapi saya masih sukar untuk menulis.

7 Oh, begitu! Sebab itulah tangan awak masih berbalut.

8 Pagi tadi, saya makan nasi lemak. Sambalnya sangat pedas.

9 Mesti sedap nasi lemak itu, Mei Yin.

10 Memang sedap tetapi mulut saya ada ulser. Mulut saya pedih dan tidak selesa.

11 Nampaknya hari ini kita semua ada masalah pada anggota badan kita.

12 Kita perlu menjaga anggota badan kita dengan sebaik-baiknya.

13 Ya, kita mesti menghargainya. Anggota badan yang sihat penting untuk menjalankan aktiviti harian kita.




Info Bahasa

Pola ayat tunggal:

Subjek	Predikat
Adrian	menyepak bola.
Lim	memanjat pokok.
Shanti	makan mi goreng pedas.

Perhatikan gambar di bawah dan jelaskan:

- peristiwa yang berlaku,
- kesan daripada peristiwa tersebut, dan
- tindakan yang diambil untuk menyelesaikan masalah tersebut.



Cetusan Minda

Bincangkan cara-cara untuk mengelakkan anggota badan daripada tercedera.

2.2.1

Membina ayat untuk menjelaskan hasil pemerhatian berdasarkan perubahan atau fenomena yang berlaku dengan betul dan jelas.


Sayangi Deriamu



Aktiviti

1. Baca maklumat yang diberikan dalam teks.
2. Nyatakan fungsi deria manusia.
3. Buat kesimpulan berdasarkan kejadian yang dilihat.

Deria sangat penting kepada manusia. Deria digunakan untuk mengesan perubahan yang berlaku di sekeliling mereka. Manusia mempunyai lima deria utama, iaitu deria bau, lihat, dengar, sentuh, dan rasa.



- Organ deria bau ialah hidung.
- Organ deria bau dapat mengesan bau kimia di udara seperti bau wangi, busuk, tengik, masam dan hanyir.
- Otak akan mentafsir bau yang diterima.



- Organ deria lihat ialah mata.
- Organ deria lihat sensitif terhadap tahap rangsangan cahaya.
- Cahaya yang diterima akan membentuk bayangan dan akan disalurkan ke otak.



- Organ deria dengar ialah telinga.
- Organ deria dengar sensitif terhadap tahap kenyaringan bunyi di udara seperti bunyi bising, merdu dan garau.
- Otak akan menukar bunyi yang didengar kepada maklumat.



- Organ deria sentuh ialah kulit.
- Organ deria sentuh sensitif terhadap perubahan yang berlaku pada kulit.
- Deria sentuh boleh mengesan lima rangsangan, iaitu sentuhan, haba, sejuk, sakit, dan tekanan.



- Organ deria rasa ialah lidah.
- Organ deria rasa sensitif terhadap empat rasa, iaitu masin, masam, manis dan pahit.
- Rasa akan ditafsir oleh otak.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada portal MyHealth, Kementerian Kesihatan Malaysia)

Manusia menghadapi pelbagai kejadian dalam kehidupan yang menyebabkan deria manusia mengalami gangguan.

SAYANGI DERIAMU



Bola mata akan mengecil apabila melihat cahaya yang silau.



___ akan bergetar apabila menerima gelombang bunyi.



(Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia)



Tahukah Anda?

Kita tidak digalakkan untuk mengorek telinga kerana salur telinga mempunyai mekanisme dalam untuk membersihkan kotoran. Biasanya, kotoran mengalir keluar dari telinga secara semula jadi. Apa-apa kaedah yang digunakan hanya akan mendatangkan bahaya dan gangguan kepada deria dengar.

(Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia)

2.3.1

Membuat kesimpulan yang munasabah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada pelbagai sumber mengenai perubahan atau fenomena yang berlaku.

Bersyukurlah Kita



Aktiviti

1. Kenal pasti maklumat yang betul dan tepat berdasarkan teks dan grafik.
2. Senaraikan keistimewaan manusia berbanding dengan hidupan lain.

Manusia ada banyak keistimewaan berbanding dengan hidupan lain. Anggota badan manusia sama tetapi berbeza dari segi saiz, bentuk, dan keupayaan. Perbezaan ini disebabkan oleh usia dan jantina manusia.



Manusia boleh bergerak dalam pelbagai ruang sama ada di daratan, lautan atau udara. Walaupun kurang upaya, seseorang masih dapat bergerak ke mana-mana sahaja dengan bantuan orang lain atau menggunakan alat sokongan.

Manusia istimewa kerana ada akal, perasaan dan dapat berhubung dengan hidupan lain. Dengan menggunakan akal, manusia dapat membuat keputusan dan bertindak. Manusia juga istimewa kerana mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan.

Persamaan Manusia dengan Hidupan Lain



Cetusan Minda

Apakah keistimewaan tumbuh-tumbuhan berbanding dengan manusia dan haiwan?

Haiwan

Manusia

Tumbuh-tumbuhan



Membiak



Membiak



Memerlukan makanan



Memerlukan makanan



Memerlukan air



Memerlukan air

2.3.2

Mengenal pasti maklumat yang betul dan tepat daripada teks dan grafik mengenai perubahan atau fenomena yang berlaku dan membuat persembahan dalam bentuk grafik atau ilustrasi.

Kasih yang Tertumpah



Aktiviti

1. Sebut perkataan dan istilah saintifik yang berwarna merah.
2. Cari maksud perkataan dan istilah saintifik tersebut dengan merujuk kamus.
3. Gunakan perkataan dan istilah saintifik tersebut dalam konteks yang lain.

Aizat dan keluarganya gemar memelihara kucing. Bapa Aizat pula suka menanam tanaman. Aizat dan keluarganya sayang akan haiwan peliharaan dan tanaman mereka. Setiap hari, mereka akan memastikan haiwan dan tanaman dijaga dengan penuh kasih sayang. Kasih sayang tersebut tanda kesyukuran mereka dengan kurniaan Tuhan.



- 1 Aizat memelihara kucing **spesies** tempatan dan kacukan. Aizat bersyukur kerana kucing itu selalu menemaninya di rumah. Aizat akan menyediakan kelengkapan yang cukup untuk kucingnya.



- 2 Walaupun kucing ialah **mamalia karnivor**, kucing sangat manja dengan tuan. Sifat itu mengeratkan hubungan kasih sayang antara Aizat dengan kucingnya.



- 3 Apabila kucingnya sakit, Aizat sekeluarga membawa kucing itu menerima rawatan di **klinik haiwan**. Tindakan itu sebagai tanda sifat tanggungjawab dan prihatin mereka terhadap kucing peliharaan mereka.



- 4 Aizat sangat **sayang** akan kucingnya. Setiap hari, dia akan bermain-main dengan kucingnya. Aizat bersyukur kerana kucing itu menjadi amanah bagi keluarganya.



Cetusan Minda

Sekiranya anda terjumpa dengan anjing yang terbiar dan kelaparan, apakah yang akan anda lakukan? Jelaskan.



Info Bahasa

Kosa kata umum

- kucing
- pokok
- siram
- haiwan

Istilah saintifik

- mamalia
- karnivor
- spesies
- baja organik

a



Bapa Aizat pula gemar menanam pokok supaya dapat memberikan suasana yang **nyaman** di rumahnya. Halaman rumahnya dikelilingi dengan tanaman yang menghijau.

b



Sebelum menanam **anak pokok**, beliau akan memastikan kesesuaian tanah. Beliau bertuah kerana tanah di halaman rumahnya subur.

c



Bapa Aizat juga menyediakan **baja organik** untuk tanamannya. Beliau akan memastikan tanamannya mendapat zat yang cukup supaya kekal sihat.

d



Keluarga Aizat menjaga tanamannya dengan sebaik-baiknya. Tanaman itu disiram setiap hari supaya dapat hidup **subur**. Keluarga Aizat bersyukur kerana udara di persekitaran rumah mereka segar dan bersih.

Aku Juga Mampu



Aktiviti

1. Bersoal jawab tentang maklumat dalam teks.
2. Senaraikan punca yang menyebabkan sesuatu perubahan berlaku pada diri tokoh.
3. Jelaskan cara tokoh mengatasi kekurangan diri setelah melalui perubahan pada anggota badan.



Mari kita ikuti temu bual wartawan majalah *Gadisku* bersama-sama dengan Haziqah Nurulhuda binti Harun, penerima Anugerah Tokoh Orang Kurang Upaya (Perempuan) peringkat negeri Terengganu.

- Wartawan: Selamat pagi, Cik Haziqah.
● Yaya: Selamat pagi. Panggil saya Yaya, lebih mesra.
- Wartawan: Baik, Yaya. Terima kasih kerana sudi ditemu bual. Tahniah, Yaya kerana dianugerahi Tokoh OKU Terengganu!
● Yaya: Sama-sama. Terima kasih juga sudi menemu bual saya.
- Wartawan: Boleh saya tahu, adakah Yaya lumpuh sejak lahir lagi?
● Yaya: Tidak. Saya diserang polio ketika berusia 16 tahun. Saya mengalami demam panas yang teruk. Demam panas ini merosakkan urat saraf di dalam badan saya. Badan saya lemah. Saya hanya mampu menggerakkan kepala.
- Wartawan: Kalau begitu, bagaimanakah Yaya boleh bergerak seperti sekarang ini?
● Yaya: Ibu dan ayah banyak membantu saya. Saya melakukan fisioterapi di rumah. Walaupun kaki sebelah kiri belum pulih, saya dapat bergerak dengan menggunakan kerusi roda.
- Wartawan: Oh, begitu! Kami juga tertarik dengan kejayaan Yaya dalam perniagaan kuih tradisional masyarakat Cina, iaitu kuih bakul dan kuih bulan. Bagaimanakah Yaya mula menceburi perniagaan ini?
● Yaya: Saya mula belajar membuat kuih ini daripada sahabat Facebook, yang berasal dari Beijing, China. Kemudian, saya berniaga secara kecil-kecilan di rumah. Kini, saya telah melebarkan perniagaan kuih tradisional Cina ini ke luar negara.
- Wartawan: Tahniah, Yaya! Apakah nasihat dan harapan Yaya?
● Yaya: Nasihat saya kepada golongan seperti saya, usahlah merendah diri. Walaupun saya lumpuh, keadaan ini tidak mematahkan semangat saya. Saya harus cekal dan berdikari. Saya ingin terus berjaya.
- Wartawan: Saya kagum akan semangat Yaya. Saya mendoakan Yaya terus berjaya. Terima kasih atas kerjasama Yaya.
● Yaya: Sama-sama.

Cetusan Minda

Sekiranya anda terjumpa dengan Orang Kurang Upaya (OKU) yang dalam kesusahan, apakah yang perlu anda lakukan?



Tahukah Anda?

Syarikat BioApps Sdn. Bhd., milik Universiti Malaya yang beroperasi di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) ialah pengeluar bahan anggota palsu terbesar di Malaysia. Masyarakat boleh mendapatkan kaki palsu yang disediakan oleh syarikat ini secara percuma.

(Sumber: <http://bioapps.com.my/>)

2.4.1

Bersoal jawab tentang sesuatu fenomena yang berlaku menggunakan bahasa yang betul secara bertatasusila.

Hargailah Kurniaan Tuhan

UNIT 2

Hidup Bersyukur



Aktiviti

1. Berbincang tentang kejadian yang menyebabkan kecederaan anggota badan.
2. Jelaskan cara-cara merawat anggota badan yang tercedera.



Mei Ling dan kawan-kawannya berbincang tentang projek buku skrap kumpulannya di dalam makmal sains. Buku skrap tersebut berkaitan dengan anggota badan manusia.

1 Selamat pagi, kawan-kawan. Mari kita berbincang tentang projek buku skrap yang diberikan oleh Cikgu Amira.

2 Baiklah, Lim. Saya cadangkan buku skrap kita tentang rawatan kecederaan anggota badan.

3 Bagus, cadangan Mei Ling. Saya setuju.

4 Saya juga setuju. Kalau begitu, kita sediakan buku skrap tentang rawatan kaki yang terseliuh.

5 Mari kita cari maklumat tentang punca dan cara rawatan kaki terseliuh di pusat sumber. Terima kasih kawan-kawan atas kerjasama.

Semasa di pusat sumber, Mei Ling dan kawan-kawannya menyusun maklumat yang diperolehi untuk menyiapkan buku skrap.


PUSAT SUMBER

1

Terseliuh bermaksud tersalah urat kerana terjatuh atau tersepak sesuatu yang keras.

2

Kaki yang terseliuh akan menjadi bengkak dan perlu dirawat dengan segeranya. Kurangkan pergerakan kaki.



3

Tekapkan ais pada kaki untuk mengurangkan bengkak. Tekapkan ais pada kaki tidak lebih daripada 20 minit pada satu-satu masa.

4

Kaki perlu berada pada kedudukan yang lebih tinggi daripada jantung pesakit.

5

Kaki yang terseliuh perlu dibalut dengan pembalut. Balutan ini akan mengehadkan pergerakan pada sendi yang tercedera.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada portal MyHealth, Kementerian Kesihatan Malaysia)




Mari Berkomunikasi



Aktiviti

1. Cari 10 anggota badan yang tersembunyi dalam gambar.
2. Ceritakan fungsi anggota badan tersebut.





Penilaian



Aktiviti

Isi tempat kosong dengan istilah saintifik yang sesuai.

gendang	deria	fisioterapi	mamalia
baja organik	deria rasa	hidung	pemalut
	bola mata	kulit	

UNIT 2

Hidup Bersyukur

- 1 Kaki yang terseliuh akan dibalut dengan _____.
- 2 Lidah berfungsi sebagai _____ bagi manusia.
- 3 Bunyi yang kuat akan menyebabkan _____ telinga pecah.
- 4 Cahaya yang silau boleh menyebabkan _____ mengecil.
- 5 Seseorang yang lumpuh boleh disembuhkan melalui rawatan _____.
- 6 Organ deria yang terlibat dalam proses pernafasan manusia ialah _____.
- 7 Manusia mempunyai lima organ _____ yang berfungsi untuk melihat, merasa, menghidu, mendengar, dan menyentuh.
- 8 Kucing dan anjing merupakan haiwan jenis _____ yang membiak secara melahirkan anak.
- 9 Najis binatang, tumbuhan yang mereput, dan sisa makanan sesuai dijadikan _____.
- 10 Lima rangsangan yang berlaku kepada kulit manusia boleh dikesan oleh organ deria sentuh, iaitu _____.



MENGENAL NOMBOR

1. Nyatakan simbol matematik yang terdapat dalam gambar.
2. Apakah contoh nombor genap dan nombor ganjil?
3. Bagaimanakah operasi matematik memudahkan urusan jual beli?
4. Bincangkan kegunaan simbol matematik dalam kehidupan harian anda.



4.2

$\frac{3}{6}$

IDEA

13.2s

16.4s

3.50m

\div

$-$

$+$

\times



Kenali Nombor



Aktiviti

1. Deklamasikan sajak tentang nombor bulat, pecahan, dan perpuluhan.
2. Kenal pasti dan sebut nombor bulat, pecahan, dan perpuluhan.
3. Gunakan nombor bulat, pecahan, dan perpuluhan dalam aktiviti simulasi.

Kita sering kali melihat nombor kereta, nombor rumah, nombor pada papan tanda jalan raya, dan nombor di pasar raya. Semua nombor ini berlainan antara satu sama lain. Ada nombor bulat, iaitu nombor genap dan nombor ganjil misalnya, pada plat kereta. Ada pula nombor pecahan dan perpuluhan untuk harga barangan di pasar raya.

Nomborku

Nombor bulat
ada yang **genap**
ada yang **ganjil**.

Dua, empat, enam
namanya **nombor genap**
satu, tiga, lima
itulah **nombor ganjil**.

Genap dan ganjil
itulah nombor bulat
dua lagi nomborku
ada **pecahan**
juga **perpuluhan**.

Satu perdua
itulah **pecahan**
satu titik dua
itulah **perpuluhan**.

Nukilan,
Faridah Nazir
Seremban, Negeri Sembilan.



IMBAS SAYA



nombor ganjil

nombor genap



Info Bahasa

Istilah matematik

- nombor bulat
- nombor genap
- nombor ganjil
- perpuluhan
- pecahan



Cetusan Minda

Apakah kepentingan nombor dan huruf pada plat kereta?

Pameran Buku dan Alat Tulis
 Tarikh:
 2 hingga 5 Mac 20□□
 Masa:
 9:00 pagi hingga 5:00 petang
 Tempat:
 Perpustakaan Negeri Melaka

Potongan harga 20%:
 • novel terpilih
 • pensel mekanikal 0.5 milimeter
 • pensel mekanikal 0.7 milimeter

KEDAI FABRIK AZURA
 POTONGAN HARGA 50%
 DARIPADA HARGA ASAL UNTUK
 $\frac{1}{2}$ METER KAIN LANGSIR

Harga asal durian ini ialah RM17.00 sekilogram. Hari ini, saya menjualnya dengan harga RM8.50 sekilogram sahaja!


DURIAN PAK MAT

RM8.50
1 KG

Wah, ada tawaran setengah harga!

7
301.6
KM

nombor perpuluhan



Tahukah Anda?

Jantina seseorang boleh dikesan melalui nombor akhir pada nombor kad pengenalan. Nombor yang berakhir dengan nombor genap ialah perempuan. Nombor yang berakhir dengan nombor ganjil ialah lelaki.

3.1.1 Menyebut, memahami dan menggunakan kosa kata umum dan istilah matematik dengan tepat mengikut konteks matematik.

Mari Mengira

UNIT
3

Mengenal Nombor



Aktiviti

1. Bina ayat berdasarkan operasi matematik tambah (+), tolak (-), darab (\times), dan bahagi (\div).
2. Tulis ayat untuk menerangkan idea matematik.

Situasi 1

Ibu meminta Kavitha ke kedai untuk membeli barang dapur. Ibu memberi Kavitha senarai barang yang perlu dibelinya. Jumlah wang yang diberikan oleh ibu kepada Kavitha ialah dua puluh ringgit.

Sebotol air minuman



RM1.00

Sepuluh biji telur ayam



RM4.00

Setin susu



RM2.50

Sekotak santan



RM2.50

Idea
Matematik

Kavitha membeli sepuluh biji telur ayam yang berharga empat ringgit dan sekotak santan yang berharga dua ringgit lima puluh sen. Jumlah harga barangan tersebut ialah enam ringgit lima puluh sen.


$$RM4.00 + RM2.50 = RM6.50$$

Kavitha menggunakan dua puluh ringgit untuk membayar jumlah harga barangan sebanyak enam ringgit lima puluh sen. Baki wangnya ialah tiga belas ringgit lima puluh sen.

Situasi 2

Empat orang kanak-kanak datang ke majlis ulang tahun kelahiran Mei Ling. Ibu Mei Ling memberikan **dua** keping coklat kepada setiap kanak-kanak. Berapakah jumlah coklat yang telah diberikan oleh ibu Mei Ling kepada kanak-kanak itu?

Kemudian, bapa Mei Ling pula memberikan **dua puluh** biji gula-gula kepada mereka. Kanak-kanak itu **membahagikan** gula-gula itu secara sama rata. Setiap kanak-kanak akan mendapat berapakah biji gula-gula?



Idea Matematik

Empat orang kanak-kanak diberi dua keping coklat setiap seorang. Jumlah coklat tersebut bersamaan dengan lapan keping.

Dua puluh biji gula-gula dibahagikan kepada empat orang kanak-kanak. Oleh itu, setiap kanak-kanak mendapat lima biji gula-gula.

Jelajah Nombor

UNIT
3

Mengenal Nombor



Aktiviti

1. Baca dan kenal pasti susunan nombor mengikut urutan menaik dan urutan menurun.
2. Senaraikan penyelesaian matematik untuk susunan nombor menaik dan susunan nombor menurun.
3. Susun nombor yang terdapat dalam urutan menaik dan urutan menurun.

Arahan Permainan Jelajah Nombor

1. Permainan ini mengandungi dua sesi, iaitu sesi 1 dan sesi 2.
2. Setiap sesi mengandungi enam petak dengan enam warna dan enam aktiviti. Enam warna itu ialah merah, kuning, biru, hijau, jingga dan ungu.
3. Sebiji dadu dengan enam permukaan warna yang berbeza berdasarkan warna petak dalam sesi 1 dan 2 perlu disediakan.
4. Setiap pemain perlu melambung dadu dan melihat warna permukaan dadu yang diperoleh.
5. Sebagai contoh, pemain yang mendapat warna merah dalam sesi 1 perlu menjawab soalan pada petak yang disediakan. Markah akan diberikan seperti yang tercatat pada petak soalan.
6. Permainan diteruskan hingga semua peserta mendapat giliran masing-masing dan markah yang diperoleh akan dijumlahkan.

Sesi 1

2 markah

Apakah maksud susunan nombor mengikut urutan menaik?

4 markah

Susun nombor secara menurun:
8, 6, 4, 12, 1, 14, 10,
9, 2, 5, 11, 13, 3, 7

4 markah

Susun nombor secara menaik:
4, 9, 3, 1, 2, 7,
5, 8, 6

4 markah

Susun nombor menaik daripada operasi tolak:

$$\begin{aligned}5 - 1 &= 4 \\6 - 1 &= ? \\1 - 1 &= ? \\2 - 1 &= ? \\7 - 1 &= ?\end{aligned}$$

4 markah

Susun nombor menurun daripada operasi tambah:

$$\begin{aligned}6 + 1 &= 7 \\1 + 1 &= ? \\9 + 1 &= ? \\2 + 1 &= ? \\4 + 1 &= ? \\7 + 1 &= ? \\10 + 1 &= ?\end{aligned}$$

Permainan Interaktif

UNIT
3

Mengenal Nombor

2 markah

Apakah maksud susunan nombor mengikut urutan menurun?

3 markah

Berikan contoh susunan nombor mengikut urutan menaik.

3 markah

Berikan contoh susunan nombor mengikut urutan menurun.

Sesi 2

3 markah

Nyatakan susunan nombor semasa menuruni anak tangga.

3 markah

Nyatakan susunan nombor semasa menaiki anak tangga.

5 markah

Susun nombor menaik daripada operasi darab:

- $5 \times 2 = 10$
- $1 \times 2 = ?$
- $2 \times 3 = ?$
- $3 \times 3 = ?$
- $2 \times 2 = ?$
- $2 \times 4 = ?$

5 markah

Susun nombor menurun daripada operasi bahagi:

- $4 \div 2 = 2$
- $3 \div 3 = ?$
- $6 \div 2 = ?$
- $8 \div 2 = ?$
- $10 \div 2 = ?$
- $12 \div 2 = ?$

Tamat

3.3.1

Mengenal pasti masalah matematik daripada pelbagai sumber dan penyelesaian matematik dengan jelas dan sesuai.

Seronoknya Berniaga



Aktiviti

1. Kenal pasti idea matematik daripada penyelesaian masalah dalam teks dan grafik.
2. Baca dan jelaskan idea matematik daripada penyelesaian masalah dalam teks dan grafik.

Puan Lina menjual kuih-muih di pasar malam. Gerainya menjadi tumpuan kerana terdapat pelbagai pilihan kuih. Puan Lina mengira jumlah keuntungan selepas selesai urusan jualan.

Gerai Kuih-muih Puan Lina

	RM
Hasil Jualan	800.00
Modal	<u>250.00</u>
Jumlah keuntungan	<u>?</u>

SITUASI

Puan Lina telah menjual 100 biji kuih koci. Masih terdapat baki sebanyak 75 biji kuih koci. Berapakah jumlah kuih koci Puan Lina?

CONTOH IDEA MATEMATIK

100 biji kuih koci ditambah dengan 75 biji kuih koci bersamaan dengan 175 biji kuih koci.

Selesai mengira keuntungan, Puan Lina perlu membayar upah sebanyak RM35.00 sehari kepada pembantunya, Amira. Puan Lina juga perlu membayar kos sewa tapak jualan. Puan Lina mendapati bahawa jumlah keuntungan bersih yang diperolehi ialah RM500.00. Berapakah jumlah kos sewa tapak jualan yang mesti dibayar oleh Puan Lina?

Saya telah menolak kos sewa tapak jualan. Jumlah keuntungan kita sekarang ialah RM500.00.

Kita perlu membayar kos sewa tapak jualan.

Gerai Kuih-muih Puan Lina

	RM
Hasil Jualan	800.00
Modal	250.00
Kos sewa tapak jualan	?
Kos bayar upah	35.00
Jumlah keuntungan bersih	500.00

Tauhu
bergedel
RM4.00

Apakah Pecahannya?



Aktiviti

1. Kenal pasti nombor pecahan untuk agihan angpau dalam cerpen.
2. Bersoal jawab tentang nombor pecahan untuk piza dalam dialog.



Bersempena dengan sambutan Tahun Baharu Cina, bapa Lee Chin ingin memberikan angpau kepada semua anaknya.

Angpau

Lee Chin hanya memerhatikan gelagat ibunya. Ibunya begitu asyik berbual-bual dengan ayahnya. Lee Chin sudah tidak sabar lagi. Tanpa berlengah lagi, Lee Chin pun menghampiri ibu dan ayahnya.

“Ibu, ayah... saya hendak bertanya,” kata Lee Chin.

“Ya. Kamu hendak bertanya tentang apa?” tanya Puan Mei.

“Bolehkah saya tahu tentang angpau di atas meja itu?” tanya Lee Chin.

Ibu dan ayah Lee Chin berbalas senyuman. Ayah Lee Chin pun bersuara. “Angpau itu mengandungi wang lima puluh ringgit. Kawan ayah yang berikannya. Ayah perlu membahagikannya sama rata antara kamu dengan empat orang adik-beradik kamu yang lain”.

“Oh, saya faham! Ayah perlu membahagikan lima puluh ringgit itu kepada lima orang. Pecahannya ialah lima puluh perlima. Kami akan mendapat sebanyak sepuluh ringgit seorang,” kata Lee Chin.

Ayah dan ibu Lee Chin menganggukkan kepala tanda mengesyakan.

Lee Chin memesan sekeping piza untuk keluarganya. Lee Chin perlu memikirkan strategi untuk membahagikan piza itu kepada lima orang adik-beradiknya. Lee Chin berbincang tentang strategi tersebut dengan ibunya.

Puan Mei: Piza ini perlu dibahagikan kepada lima bahagian.

Lee Chin: Ibu, apakah pecahannya jika satu keping piza dibahagikan kepada lima bahagian?

Puan Mei: Pecahannya ialah satu perlima. Setiap seorang akan mendapat satu bahagian piza.

Lee Chin: Apakah pecahannya jika saya ingin dua bahagian piza pula, ibu?

Puan Mei: Pecahannya ialah dua perlima. Mari kita fikirkan contoh-contoh pecahan yang lain.



Kita Juara

UNIT
3

Mengenal Nombor



Aktiviti

1. Berbincang tentang ukuran jarak dan masa dalam acara sukan padang dan balapan.
2. Jelaskan keputusan acara sukan padang dan balapan berdasarkan ukuran jarak dan masa.

SMK Putera Puteri telah mengadakan Kejohanan Sukan Tahunan Kali Ke-20 di Stadium Sukan Negeri. Majlis ini diadakan dari pukul 8:00 pagi hingga 6:00 petang. Terdapat dua acara yang dipertandingkan, iaitu acara sukan padang dan balapan.



Kejohanan Sukan Tahunan Kali Ke-20 SMK Putera Puteri
No. Acara: 1 Acara: Lompat Jauh Peringkat: Akhir

Kategori: Lelaki (L3)

Nama Peserta	Rumah Sukan	Kedudukan	Jarak/Masa
Mahesh a/l Raju	Merah	1	4.10 meter
Albert Wong	Hijau	2	3.50 meter
Jaswant Singh a/l Jasbir Singh	Hijau	3	3.32 meter



Tahukah Anda?

Mohd Azizulhasni bin Awang atlet lumba basikal negara. Beliau ialah juara acara keirin dan 200 meter pecut dalam Kejohanan Trek Asia di Jepun (2008). Beliau juga pemegang rekod Asia bagi acara pecut (10.16 saat) dalam Kejohanan Trek Sedunia di Manchester, England. Pada tahun 2019, beliau berjaya meraih pingat emas bagi saingan pecut individu dalam Kejuaraan Berbasikal Asia (ACC) 2019 di Jakarta, Indonesia. Beliau menewaskan pelumba dari China, Xu Chao, pada perlumbaan ketiga dengan catatan masa 10.154 saat, manakala Xu ketinggalan 0.004 saat.

UNIT 3

Mengenal Nombor

Kejohanan Sukan Tahunan Kali Ke-20 SMK Putera Puteri
No. Acara: 1 **Acara:** Larian 100 meter **Peringkat:** Akhir
Kategori: Perempuan (P3)

Nama Peserta	Rumah Sukan	Kedudukan	Jarak/Masa
Siah a/p Bah	Kuning	1	14.56 saat
Sarojini a/p Maniam	Biru	2	14.80 saat
Marina binti Azli	Hijau	3	15.50 saat



Cetusan Minda

Bagaimanakah fasa lompakan dalam acara lompat jauh membolehkan peserta melompat dengan lebih jauh?

3.4.2

Berbincang dan menyelesaikan masalah rutin dalam pelbagai situasi secara rasional menggunakan bahasa yang betul secara bertatasusila.



Mari Berkomunikasi



Aktiviti

1. Nyatakan harga barangan yang terdapat di koperasi sekolah.
2. Bersoal jawab tentang jumlah perbelanjaan Mei Ling di koperasi sekolah.



Tawaran potongan harga $\frac{1}{4}$ daripada harga asal bagi semua barang bersempena dengan Hari Koperasi Sekolah.

Senarai barang yang dibeli oleh Mei Ling

- Buku Garis Satu - 9 buah
- Buku Nota A4 - 2 buah
- Buku NILAM - 1 buah
- Buku Graf - 1 buah



Penilaian



Aktiviti

1. Kenal pasti idea matematik berdasarkan situasi.
2. Tulis ayat untuk menerangkan idea matematik berdasarkan situasi.



Idea matematik: _____



Idea matematik: _____



Idea matematik: _____



Idea matematik: _____

Unit 4

UTAMAKAN KESELAMATAN

1. **Senaraikan alatan yang terdapat dalam gambar.**
2. **Mengapakah peti pertolongan cemas perlu ada di dalam bengkel?**
3. **Bincangkan tatacara anda menggunakan alatan dan bahan semasa di dalam bengkel.**
4. **Mengapakah keselamatan perlu kita utamakan dalam setiap pekerjaan?**





Tanggungjawab Saya




Aktiviti

1. Sebut nama jawatan yang terdapat dalam carta organisasi bengkel.
2. Baca dan jawab soalan tentang bidang tugas ahli dalam carta organisasi bengkel.
3. Hasilkan carta organisasi bengkel anda yang lengkap.

Carta organisasi bengkel ialah sistem pengurusan sistematik yang perlu dilaksanakan. Tujuannya untuk memastikan bengkel dalam keadaan kemas, selamat dan selesa. Setiap murid mestilah membantu guru, mempunyai sifat bertanggungjawab, dan bekerjasama ketika melakukan kerja di dalam bengkel.

CARTA ORGANISASI BENGKEL





Info Bahasa

Kosa kata umum

- ahli
- ketua
- kumpulan
- jadual
- tugas
- organisasi

Istilah teknologi

- fomen
- bengkel
- penolong fomen

UNIT
4

Utamakan
Keselamatan

1

Fomen ialah ketua bengkel yang menjalankan tugas seperti yang diarahkan oleh guru. Tugasnya memastikan setiap kumpulan menjalankan tugas yang diamanahkan.

2

Penolong fomen membantu tugas yang dijalankan oleh fomen.

Bidang Tugas Ahli dalam Carta Organisasi Bengkel

4

Ahli kumpulan menjalankan tugas mengikut jadual tugas yang ditetapkan. Mereka mestilah bekerjasama ketika menjalankan sesuatu aktiviti.

3

Ketua kumpulan memastikan aktiviti dapat dijalankan dengan lancarnya dalam kumpulan masing-masing.

1

Huraikan carta organisasi bengkel.

2

Siapakah yang bertanggungjawab memastikan aktiviti dapat dijalankan dengan lancarnya dalam kumpulan masing-masing?

3

Mengapakah guru perlu mengarahkan fomen menjalankan tugas?

4

Mengapakah ahli kumpulan mesti bekerjasama apabila menjalankan sesuatu aktiviti?

5

Sekiranya fomen tidak hadir ke sekolah, siapakah yang akan bertanggungjawab mengambil alih tugas fomen? Berikan alasan.



4.1.1

Menyebut, memahami dan menggunakan kosa kata umum dan istilah teknologi dengan tepat mengikut konteks teknologi.

Mari Kita Buat

UNIT
4

Utamakan
Keselamatan



Aktiviti

1. Tulis senarai tugas di dalam bengkel.
2. Bina ayat tentang tatacara melaksanakan tugas di dalam bengkel.
3. Sediakan jadual tugas bengkel.

Murid-murid Tingkatan Peralihan Cemerlang sedang menjalankan tugas di dalam bengkel dengan berpandukan jadual tugas. Setiap murid bertanggungjawab memastikan keadaan bengkel sentiasa bersih dan selamat.



Tatacara tugas membersihkan lantai.

Ambil penyapu dan penyodok sampah.



UTAMAKAN KESELAMATAN

JADUAL TUGAS & BENGKEL

JADUAL TUGAS BENGKEL

1 Kumpulan

2 Kumpul

3 Kumpul

4 Kumpul

1

Kumpulan Jujur

2

Kumpulan Amanah

3

Kumpulan Setia

4

Kumpulan Adil

Mengelap tingkap

Menyapu lantai

Menyusun kerusi



Cetusan Minda

Apakah kepentingan jadual tugas?

4.2.1

Membina ayat untuk menjelaskan sesuatu perancangan dan prosedur sesuatu perkara dengan betul secara gramatis mengikut konteks.

Disiplin Diri Penentu Kejayaan

UNIT
4

Utamakan
Keselamatan



Aktiviti

1. Baca maklumat keselamatan dan peraturan am dan diri.
2. Jelaskan maklumat tersebut dalam bentuk peta buih.

Cikgu Halim mengajarkan topik keselamatan dan peraturan di dalam bengkel. Untuk keselamatan am dan diri, murid merujuk poster. Bagi peraturan am dan diri pula, murid merujuk hamparan elektronik.

Keselamatan Am

1. Minta kebenaran guru jika hendak menggunakan peralatan elektrik.
2. Bersihkan minyak yang tertumpah dengan segeranya.

Keselamatan Diri

1. Gunakan alat pelindung diri seperti sarung tangan, topeng hidung dan mulut semasa menjalankan aktiviti.
2. Fahami segala langkah kerja sebelum memulakan aktiviti.



KESELAMATAN
DI BENGKEL**Peraturan Am**

1. Gunakan alatan dan bahan dengan cara yang betul dan cermat.
2. Bersihkan tempat kerja dan bengkel setelah selesai menjalankan aktiviti.

Peraturan Diri

1. Pakai pakaian dan kasut yang sesuai.
2. Dilarang bermain, bergurau atau mengganggu kawan semasa menjalankan aktiviti.




Awas, Bahaya di Mana-mana!

UNIT 4

Utamakan Keselamatan



Aktiviti

1. Berbincang tentang alatan dan bahan yang digunakan untuk membaiki kerusi yang rosak. 
2. Nyatakan peraturan dan keselamatan penggunaan alatan dan bahan.

Jun Han mendapati kerusinya telah rosak dan ingin membaiki kerusi itu sendiri. Dia telah berjumpa dengan Cikgu Halim untuk meminta izin bagi menggunakan alatan dan bahan di dalam bengkel.





Cetusan Minda

Apakah yang perlu dilakukan untuk memastikan keselamatan terjamin ketika di dalam bengkel?

Sama-sama. Ingat, gunakan alat dan bahan mengikut prosedur. Mintalah bantuan saya jika terdapat sebarang masalah ketika menggunakan alat dan bahan tersebut.

Baiklah, cikgu. Bagaimanakah pula dengan aspek keselamatan penggunaan alat dan bahan?

Gunakan alat dan bahan secara berhemah dan cermat. Setelah kamu menggunakannya, jangan lupa simpan alat dan bahan di tempat yang betul.

Ya, cikgu. Saya akan ingat nasihat cikgu. Cikgu, jika saya selesai memperbaiki kerusi saya, apakah jenis cat yang perlu saya gunakan supaya kerusi saya kelihatan cantik?

Kamu perlu _____.

Sama-sama.

Sediakan Payung sebelum Hujan

UNIT
4

Utamakan
Keselamatan



Aktiviti

1. Baca Buletin SMK Putera Puteri.
2. Baca langkah-langkah menggunakan alat pemadam api.
3. Nyatakan perkara yang perlu dilakukan sekiranya menghadapi kebakaran. Persembahkan hasil perbincangan dalam bentuk carta alir.



Buletin

SMK Putera Puteri

Edisi 10 | 20□□

Latihan kecemasan kebakaran di sekolah amatlah penting. Tujuannya adalah untuk memberikan latihan dan pendedahan maklumat tentang tindakan yang perlu dilakukan apabila berlaku kebakaran.

Pelaksanaan Latihan Kecemasan Kebakaran SMK Putera Puteri

Pada pukul 10:00 pagi, 20 Februari yang lalu, SMK Putera Puteri telah menjalankan latihan kecemasan kebakaran. Apabila loceng kecemasan dibunyikan, semua warga sekolah berhenti daripada melakukan sebarang aktiviti lalu bergerak dengan pantasnya untuk menuju ke tempat berkumpul. Mereka mengikuti laluan yang telah ditetapkan dalam pelan laluan kecemasan kebakaran. Semua warga sekolah telah berkumpul di tempat yang ditetapkan

dan kehadiran setiap individu dicatat. Guru kelas memastikan bilangan murid cukup berdasarkan data kehadiran murid pada hari itu. Sepuluh minit kemudian, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menunjukkan cara-cara untuk memadamkan api.



Alat pemadam api dapat digunakan untuk memadam kebakaran pada peringkat awal. Alat pemadam api perlu ada di setiap premis termasuklah di rumah.

CARA MENGGUNAKAN ALAT PEMADAM API



Pastikan alat pemadam api ditegakkan. Cabut pin keselamatan daripada alat pemadam api.



Halakan nozel alat pemadam api ke pangkal api. Pastikan anda berada pada jarak 6 hingga 8 kaki dari api.



Tekan tuil untuk membuat semburan.



Semburkan bahan pemadam api ke arah pangkal api dengan melayangkan nozel ke kiri dan ke kanan.

(Sumber: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia)



Tahukah Anda?

Alat pemadam api mempunyai tarikh luput dan perlu diselenggara secara berkala oleh pihak bomba.



Cetusan Minda

Mengapakah alat pemadam api perlu ada di setiap premis?

Cegah sebelum Parah



Aktiviti

1. Bersoal jawab tentang fungsi setiap ubat dan alatan merawat luka ringan.
2. Terangkan langkah merawat luka ringan.



Linda menghadiri kursus pertolongan cemas yang dianjurkan oleh Persatuan Bulan Sabit Merah. Dia telah membuat catatan tentang rawatan luka ringan semasa kursus itu.

1



Air bersih
untuk mencuci
kotoran yang
terdapat pada luka.

3



Kapas
untuk mengesat luka.

5



Plaster
untuk memastikan kain kasa tidak tertanggal
dari tempat luka.

2



Antiseptik
untuk mencegah
jangkitan kuman
pada luka.

4



Kain kasa
untuk melindungi
dan menutup luka
daripada kotoran.

Kamala tidak dapat menghadiri kursus pertolongan cemas. Kamala telah berjumpa dengan Linda untuk mendapatkan maklumat tentang cara merawat luka ringan.

Kamala: Selamat pagi, Linda.

Linda: Selamat pagi, Kamala.

Kamala: Saya minta maaf kerana tidak dapat menghadiri kursus pertolongan cemas semalam. Bolehkah awak terangkan cara untuk merawat luka ringan kepada saya?

Linda: Boleh, Kamala. Mula-mula, kita___.

Kamala: Selepas itu, apakah yang harus kita lakukan?

Linda: Sapukan___ pada luka. Gunakanlah___ untuk menyapunya.

Kamala: Apakah fungsi antiseptik itu, Linda?

Linda: Fungsi___.

Kamala: Baiklah, saya faham. Selepas itu, apakah yang perlu kita lakukan?

Linda: Balut luka dengan kain kasa secara perlahan-lahan. Fungsi kain kasa ____. Langkah terakhir, ____.

Kamala: Bagaimanakah pula dengan plaster yang dijual di farmasi? Saya lihat sudah ada kain kasa pada plaster itu.

Linda: Itu penampal luka yang sudah diubah suai untuk___. Kita sering mengalami masalah luka yang lambat kering. Jadi, penampal luka yang diperbuat daripada bahan yang lembut dan berpori diperkenalkan.

Kamala: ____.

Linda: Sama-sama.



Tahukah Anda?

Jika anda mengalami pendarahan luka yang banyak, anda dikehendaki menekan luka dengan kain yang bersih untuk menghentikan pendarahan.



Cetusan Minda

Mengapakah pendarahan pada luka harus dihentikan dengan segeranya?

4.4.1

Bersoal jawab tentang sesuatu perkara berkaitan reka bentuk dan teknologi menggunakan bahasa yang betul secara bertatasusila.



Mari Berkomunikasi



Aktiviti

Kenal pasti peraturan yang dipatuhi oleh murid dan peraturan yang tidak dipatuhi oleh murid berdasarkan gambar di bawah.





Penilaian

A. Teliti gambar di bawah dan susun gambar yang menunjukkan langkah penggunaan alat pemadam api yang betul. Kemudian, jelaskan jawapan anda kepada rakan sekelas.



B. Nyatakan fungsi setiap gambar di bawah.



Melindungi pakaian daripada kotoran.

Melindungi diri supaya habuk tidak masuk ke dalam mulut dan hidung.

Menjamin keselamatan murid ketika melakukan aktiviti.

Melindungi kaki supaya tidak terpijak benda tajam dan menjaga kebersihan kaki.

Memberikan rawatan awal sekiranya berlaku kemalangan.

Sistem pengurusan sistematik di dalam bengkel.

Digunakan semasa berlaku kebakaran di dalam bengkel.



Melindungi tangan supaya tidak terluka dan menjaga kebersihan tangan.

Panduan dan giliran kepada murid untuk menjalankan tugas di dalam bengkel.



JADUAL TUGAS BENGKEL

- Kumpulan Jujur
- Kumpulan Amanah
- Kumpulan Setia
- Kumpulan Adil



Unit 5

SEJARAH DAN KITA

1. Nyatakan peristiwa yang terdapat dalam gambar.
2. Pentingkah sejarah kepada kita? Berikan pendapat anda.
3. Mengapakah kemerdekaan penting kepada sesebuah negara?
4. Bincangkan kejayaan yang dicapai oleh negara selepas merdeka.





Nilai Sejarah dalam Kehidupan

UNIT 5

Sejarah dan Kita



Aktiviti

1. Sebut perkataan dan istilah sejarah yang terdapat dalam teks.
2. Berikan maksud perkataan dan istilah sejarah dengan menggunakan peta bulatan.
3. Gunakan perkataan dan istilah sejarah untuk menjelaskan sesuatu maksud.

Lim dan kawan-kawannya sedang berbincang tentang tugas bersempena dengan sambutan Bulan Kemerdekaan di sekolah mereka. Kumpulan Lim dikehendaki membuat poster bertajuk “Makna Sejarah dan Fakta Sejarah”.

“Sejarah ialah asal usul, keturunan, salasilah, peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau”.

(Sumber: *Kamus Dewan*, 2014, hlm. 1411)



“Sejarah ialah cerita tentang manusia dan perkara yang berlaku dalam tamadun manusia”.

– Ibnu Khaldun, *Sejarawan Islam*, 1332–1406

(Sumber: Muhd Yusof Ibrahim, *Pengertian Sejarah*, 1986, hlm. 143)



FAKTA SEJARAH



1 Kajian tentang sejarah Tanah Melayu dan Malaysia telah banyak dibukukan.

2 Dahulu, Malaysia dikenali sebagai Tanah Melayu.

3 Rakyat hidup sengsara semasa penjajahan.



Cetusan Minda

Mengapakah sejarah penting untuk ditulis?




Info Bahasa

Kosa kata umum

- sejarah
- peristiwa
- manusia
- tindakan

Istilah sejarah

- asal usul
- salasilah
- keturunan
- tamadun
- masa lampau



“Sejarah ialah penceritaan tentang tindakan manusia dan sebab berlakunya sesuatu peristiwa”.

– Herodotus,
Sejarawan Yunani,
485 SM – 425 SM
(Sumber: R. Suntharalingam,
Persejarah Barat, 1993, hlm. 9-10)

“Sejarah ialah penyelidikan tentang perkara yang dilakukan oleh manusia pada masa lampau”.

– R.G. Collingwood,
Sejarawan Inggeris,
1889 – 1943
(Sumber: Muhd Yusof
Ibrahim (penterjemah),
Idea Sejarah, 1985, hlm. 2)



4

Penjajah terakhir sebelum Tanah Melayu merdeka ialah British.



5

Semangat patriotik rakyat membara semasa menentang cengkaman penjajah.



6

Tanggal 31 Ogos 1957, Tanah Melayu merdeka.

1.1.1

Menyebut, memahami dan menggunakan kosa kata umum dan istilah sejarah dengan tepat mengikut konteks.

Erti Kemerdekaan

UNIT
5

Sejarah dan Kita



Aktiviti

1. Perihalkan peristiwa 31 Ogos 1957 berdasarkan teks dan grafik.
2. Bina ayat tunggal dan ayat majmuk secara gramatis berdasarkan peristiwa 31 Ogos 1957.

Adrian membaca catatan dalam diari datuknya, Lee Ah Seng, tentang peristiwa pada 31 Ogos 1957. Catatan ini sebagai rujukan Adrian bagi menyiapkan latihan membina ayat.

CATATAN MERDEKAKU

31 Ogos 1957

Pukul 6:00 pagi

- Saya gembira.
- Tanah Melayu sudah merdeka.
- Penjajahan British di Tanah Melayu berakhir.
- Pada pukul 12:00 tengah malam, laungan perkataan merdeka kedengaran.
- Berita kemerdekaan Tanah Melayu terpapar dalam surat khabar.
- Tanah Melayu sebagai negara berdaulat.
- Saya ke Stadium Merdeka.
- Saya pergi bersama-sama dengan Omar dan Ramasamy.

Pukul 8:00 pagi

- Stadium penuh sesak.
- Ada perarakan merdeka.
- Saya melihat Tunku Abdul Rahman menerima watakah perlembagaan.
- Tunku memberikan ucapan penghargaan kepada British.
- Saya melihat Dato' Abdul Razak, V.T. Sambanthan dan Tan Cheng Lock di stadium.
- Air mata saya mengalir.
- Saya berbesar hati kerana semua kaum menyambut kemerdekaan.
- Kemerdekaan sangat bererti kepada kita.
- Saya berharap agar kemerdekaan ini berkekalan.



Lee Ah Seng





Cetusan Minda

Mengapakah kita perlu menyambut Hari Kebangsaan?



Ayat Tunggal:

1. Saya ke Stadium Merdeka.
2. Omar ke Stadium Merdeka.
3. Ramasamy ke Stadium Merdeka.

Ayat Majmuk:

Saya, Omar dan Ramasamy ke Stadium Merdeka.

Ayat Tunggal:

1. Tunku Abdul Rahman menerima watakah perlembagaan.
2. Tunku Abdul Rahman memberikan ucapan penghargaan.

Ayat Majmuk: _____



Ayat Majmuk:

Kami mengangkat tangan sambil melaungkan perkataan merdeka sebanyak tujuh kali.

Ayat Tunggal:

1. Kami mengangkat tangan.
2. Kami melaungkan perkataan merdeka sebanyak tujuh kali.




Ayat Majmuk:

Kami sangat gembira kerana Tanah Melayu sudah merdeka.

Ayat Tunggal:

1. _____
2. _____



Tahukah Anda?

Delegasi menuntut kemerdekaan pada 1956 diketuai oleh Ketua Menteri, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Dato' Abdul Razak Hussein, Dr. Ismail Abdul Rahman, Kolonel H.S. Lee, Encik T.H. Tan dan Encik Bahaman Shamsuddin selaku Setiausaha Bersama. Empat wakil bagi Raja-raja Melayu ialah Dato' Panglima Bukit Gantang Haji Abdul Wahab bin Toh Muda Abdul Aziz, Dato' Nik Ahmad Kamil, Encik Abdul Aziz Majid dan Dato' Mohd. Seth Mohd. Said.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Tanah Airku

UNIT 5

Sejarah dan Kita



Aktiviti

1. Baca teks dan bersoal jawab tentang peristiwa 31 Ogos 1957.
2. Catat peristiwa yang berlaku mengikut urutan.
3. Huraikan sebab dan akibat sesuatu peristiwa berlaku secara bertatasusila.

Lim, Ravi, Danish dan Aisyah ke rumah Tok Ayah untuk mendengar cerita tentang peristiwa bersejarah 31 Ogos 1957.

2 Selamat pagi semua. Boleh, Aisyah. Tok Ayah akan ceritakan semuanya.

1 Selamat pagi, Tok Ayah. Kami datang kerana ingin mendengar cerita Tok Ayah tentang peristiwa 31 Ogos 1957.

3 Apakah perasaan Tok Ayah semasa melaungkan perkataan merdeka?

4 Air mata Tok Ayah tiba-tiba mengalir pada ketika itu, Lim. Tok Ayah terharu dan gembira.

5 Semoga kemerdekaan negara kita akan kekal sampai bila-bila. Terima kasih, Tok Ayah.

Inilah cerita Tok Ayah kepada Lim, Ravi, Danish dan Aisyah tentang peristiwa yang berlaku pada 31 Ogos 1957.

1



Bendera Union Jack diturunkan pada pukul 12:00 tengah malam pada 30 Ogos 1957. Peristiwa ini menandakan British tidak lagi berkuasa di Tanah Melayu.

2



Pada masa yang sama, bendera Persekutuan Tanah Melayu dikibarkan. Peristiwa ini menandakan Tanah Melayu negara berdaulat.

3




Rakyat berkumpul di Stadium Merdeka kerana ingin melihat hari bersejarah Tanah Melayu.

4



Pada pukul 9:30 pagi, 31 Ogos 1957, Tunku Abdul Rahman melaungkan perkataan merdeka sebanyak tujuh kali. Laungan itu sebagai tanda Tanah Melayu bebas daripada cengkaman penjajah.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Tahukah Anda?

Sebaik-baik sahaja bendera Union Jack diturunkan, bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan. Bendera ini dinaikkan oleh Encik Tahir bin Abdul Majid. Upacara ini diiringi lagu kebangsaan *Negaraku* yang diperdengarkan buat kali pertama.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Cetusan Minda

Apakah yang akan terjadi sekiranya negara tidak merdeka?

Liku-liku Kehidupan

UNIT 5

Sejarah dan Kita



Aktiviti

1. Perihalkan peristiwa kehidupan rakyat sebelum merdeka sehingga mencapai kemerdekaan.
2. Huraikan sebab dan akibat berlakunya perubahan dalam sesuatu peristiwa.
3. Banding beza peristiwa masa lalu dengan masa sekarang.

Pandangan Masyarakat tentang Zaman Penjajahan



Keluarga pak cik tinggal di estet semasa zaman British. Pak cik tiada kawan Melayu. Selepas merdeka, barulah pak cik ada ramai kawan Melayu dan Cina.

Encik Rajoo, Pesara



Sebelum merdeka, tempat tinggal orang Cina, India dan Melayu diasingkan. Kini, saya bangga sebagai rakyat Malaysia. Hidup harmoni. Kawan

Melayu dan India saya ramai. Hubungan kami rapat bagai aur dengan tebing.

Encik Lee, Pensyarah

Kronologi Kehidupan Masyarakat Tanah Melayu sebelum Merdeka sehingga Merdeka



1

1400-1511

Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, Melaka dikenali sebagai sebuah empayar yang besar. Raja Melayu dan rakyat memeluk agama Islam.

Pada era penjajahan Portugis, wujud perkahwinan campur antara penduduk tempatan dengan pedagang.

1511-1641

2



3

1641-1824

Tanah Melayu jatuh ke tangan Belanda pada tahun 1641. Kehidupan rakyat masih tertindas.

Pada zaman penjajahan Inggeris, sekolah untuk rakyat berbilang kaum di Tanah Melayu didirikan.

1824-1941

4





Cetusan Minda

Apakah cadangan anda untuk mengeratkan hubungan antara kaum di Malaysia?



Tahukah Anda?

Sekolah pertama yang dibina di Malaysia ialah Penang Free School yang terletak di Church Street, Pulau Pinang. Sekolah ini dibuka dengan rasminya pada 20 Oktober 1816.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Semasa penjajahan, sistem pendidikan hanya untuk golongan tertentu sahaja. Selepas merdeka, kita mendapat hak yang sama dalam pendidikan. Sebelum merdeka, ramai yang buta huruf. Hasil usaha guru yang gigih, peratus celik huruf meningkat.

Cikgu Nor Irawani, Guru Sejarah



Pada zaman Jepun, hidup keluarga kami susah. Kami tetap gigih berusaha demi kehidupan pada masa itu. Itupun makan ubi kayu sahaja. Saya bersyukur akhirnya negara kita merdeka juga.

Puan Mariah, Peniaga



5

1941-1945

Pada zaman penjajahan Jepun, hidup rakyat terseksa. Penduduk yang tidak menyokong ideologi Jepun ditangkap dan dibunuh.

Selepas Perang Dunia Kedua, British kembali ke Tanah Melayu semula dan memperkenalkan Malayan Union. Rakyat membantah tindakan British kerana penubuhan Malayan Union sebagai satu penindasan.

1946-1957

6



7

1957-kini

Pengisytiharan kemerdekaan oleh Tunku Abdul Rahman pada 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka. Tanah Melayu menjadi negara berdaulat. Masyarakat majmuk hidup harmoni sehingga kini.

Negaraku Sejahtera

UNIT 5

Sejarah dan Kita



Aktiviti

1. Kenal pasti maklumat daripada teks dan grafik.
2. Kemukakan maklumat tentang kehidupan masyarakat selepas merdeka.
3. Buat rumusan tentang maklumat yang diperoleh.

Selepas Tanah Melayu merdeka, kehidupan rakyat berubah. Pelbagai kemudahan dan kemajuan dicapai seiring dengan kepesatan ekonomi negara.

Negaraku Sejahtera

31 Ogos 1957
negaraku merdeka
rakyat bebas
megah berdiri
Malaysia negaraku.

Sejahtera negaraku
rakyat bersatu
atas nama perpaduan
bersama menuju kemajuan
bergerak terus ke hadapan.

Ayuh negaraku
kekalkan harmoni
mekarkan patriotik
demi kesejahteraan
tanah air tercinta.

Nukilan,
Wan Dza
Pasir Mas, Kelantan.



IMBAS SAYA

PENGANGKUTAN AWAM

Rakyat dapat menikmati
kemudahan pengangkutan
awam yang canggih dan cekap.



TEKNOLOGI KESIHATAN

Rakyat dapat menikmati
kemudahan kesihatan
yang berkualiti.



PENDIDIKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Masyarakat dapat mengakses
maklumat dengan pantas
melalui kemajuan teknologi
dan maklumat.



KERETA NASIONAL

Masyarakat berbangga
dengan kereta jenama Malaysia.



KEMAJUAN SUKAN NEGARA

Kejayaan atlet Malaysia semakin menyerlah pada peringkat dunia.



KEMAJUAN PEMBANGUNAN

Pembangunan yang pesat dapat dirasakan oleh rakyat.



SISTEM PENTADBIRAN

Malaysia memiliki sistem pentadbiran yang sistematik dan cekap.



Malaysia Diiktiraf sebagai Penyedia Perkhidmatan Kesihatan Terbaik dan Pertama di Dunia

Kuala Lumpur, 7 Februari – Suruhanjaya Antarabangsa Bersama (JCI) ialah badan yang bertanggungjawab meneliti taraf perkhidmatan kesihatan seluruh dunia. Badan ini telah memilih Malaysia sebagai negara yang memiliki perkhidmatan penjagaan kesihatan bertaraf dunia dan berinfrastruktur canggih. Malaysia berjaya menduduki tempat pertama dalam kategori Kesihatan Terbaik di Dunia bagi tahun 2019. Penilaian dibuat berdasarkan kriteria hospital yang bersih, perkhidmatan yang cemerlang, doktor yang terlatih, dan kos rawatan yang berpatutan.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Kementerian Kesihatan Malaysia)



Cetusan Minda

Seandainya anda pemimpin negara, bagaimanakah anda hendak memperkenalkan Malaysia ke persada dunia?

Amanat Merdeka



Aktiviti

1. Baca dan kenal pasti maklumat dalam teks.
2. Senaraikan isi penting ucapan dalam peta minda.
3. Bersoal jawab tentang peristiwa dalam teks secara bertatasusila.



Pengetua SMK Putera Puteri menyampaikan ucapan bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan peringkat sekolah.

Guru-guru dan murid-murid yang saya kasihi,

Saya gembira kerana kita dapat bertemu pada hari ini. Hari ini ialah hari bersejarah negara kita. Kita menyambut ulang tahun kemerdekaan negara kita.

Guru-guru dan murid sekalian,

Kita bertuah kerana negara kita aman, harmoni dan sejahtera. Saya percaya, masih ada murid yang tidak faham tentang erti kemerdekaan. Merdeka bermaksud kita ada kerajaan sendiri. Kita bebas daripada penjajahan kuasa luar. Kita mentadbir negara kita mengikut acuan sendiri. Kita bersatu menentang musuh bak kata peribahasa, bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.

Warga sekolah yang saya kasihi,

Saya berharap agar kita juga saling membantu bak kata peribahasa, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Kita majukan sekolah kita dalam semua bidang.

Akhir kata, marilah kita raikan Hari Kebangsaan negara ini dengan penuh kesyukuran dan kecintaan.

Sekian, terima kasih.

1 Salam sejahtera, kawan-kawan. Tugas yang diberikan oleh Cikgu Amira perlu kita siapkan.

2 Ya, Cikgu Amira meminta kita menyenaraikan isi penting ucapan Pengetua bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan semalam.

3 Mari kita senaraikan semua isi penting ucapan Pengetua semalam.

4 Seingat saya, Pengetua ada menyebut perihal keadaan negara kita yang aman dan harmoni selepas merdeka.

5 Selain itu, Pengetua juga mengingatkan kita supaya sentiasa bersatu padu.



Cetusan Minda

Bagaimanakah anda hendak menjadikan sambutan Hari Kebangsaan lebih meriah?



Tahukah Anda?

Nama Malaysia mula digunakan pada 16 September 1963 setelah Sarawak dan Sabah bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

1.4.1 Bersoal jawab tentang sesuatu peristiwa secara bertatasusila.

Warna-warni Hari Kebangsaan

UNIT 5

Sejarah dan Kita



Aktiviti

1. Senaraikan aktiviti sebelum dan semasa sambutan Hari Kebangsaan dalam bentuk grafik.
2. Bincangkan aktiviti sebelum dan semasa sambutan Hari Kebangsaan.



Persatuan Sejarah SMK Putera Puteri telah mengundang wakil Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) untuk berbincang tentang persiapan sambutan Hari Kebangsaan.

SEBELUM SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN

1 Salam sejahtera saya ucapkan kepada ibu bapa dan wakil murid yang sudi hadir. Perjumpaan ini adalah untuk berbincang tentang sambutan Hari Kebangsaan yang akan diadakan tidak lama lagi. Saya ingin ibu bapa bersama-sama memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan di sekolah ini.

3 Kami sedia membantu cikgu.

4 Saya sangat berbesar hati dan berterima kasih kepada semua atas kerjasama yang anda berikan.

2 Saya akan menyumbangkan bendera kecil untuk dikibarkan oleh murid-murid semasa sambutan Hari Kebangsaan nanti.



Senarai Keperluan Sambutan Hari Kebangsaan

Perkara	Tindakan
✓ Bendera kecil	• Puan Norliza
✓ Bendera besar	• Encik Lim
✓ Cat warna	• Puan Kalai
✓ Kain putih	• Puan Hanim

SEMASA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN



ATUR CARA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN SMK PUTERA PUTERI

Tarikh: 31 Ogos 20□□
Tempat: Dewan Seri Utama, SMK Putera Puteri

Masa	Acara
7:30 pagi	Senaman
8:00 pagi	Acara perbarisan dan perarakan kemerdekaan di padang
8:30 pagi	Murid masuk ke Dewan Seri Utama
8:45 pagi	Bacaan doa Nyanyian tiga buah lagu rasmi
9:15 pagi	Perutusan Hari Kebangsaan oleh Penolong Kanan Pentadbiran
9:35 pagi	Ucapan perasmian dan pelancaran Hari Kebangsaan oleh Pengetua
9:45 pagi	Tayangan video sejarah pengisytiharan kemerdekaan Malaysia
10:00 pagi	Laungan kemerdekaan Persembahan lagu-lagu patriotik
11:00 pagi	Bersurai



1.4.2

Berbincang tentang sesuatu peristiwa sebelum dan semasa dalam pelbagai situasi dengan betul, jelas dan bertatasusila.



Mari Berkomunikasi

UNIT 5

Sejarah dan Kita



Aktiviti

Lihat gambar dengan telitinya dan bincangkan perkara-perkara yang berikut:

- i. lokasi
- ii. suasana
- iii. aktiviti
- iv. perasaan





Penilaian



Aktiviti

1. Cari 10 istilah sejarah yang diberikan dalam susunan huruf di bawah dan berikan maksudnya.
2. Bina lima ayat berdasarkan perkataan yang diberikan.

patriotik

Malaysia

merdeka

abad

zaman

kronologi

dekad

salasilah

tamadun

nasional

A	B	E	S	C	R	G	O	T	U	N	A
P	B	S	O	W	B	M	Y	A	Z	A	B
A	R	A	N	C	D	K	F	M	N	G	K
T	Q	L	D	E	H	I	D	A	A	J	R
R	B	A	W	K	L	M	N	D	S	S	O
I	N	S	O	D	P	Q	R	U	I	T	N
O	I	I	M	H	E	J	L	N	O	M	O
T	B	L	N	E	W	K	Z	A	N	B	L
I	O	A	P	Q	R	C	A	D	A	E	O
K	J	H	A	R	X	D	F	D	L	G	G
P	U	T	U	V	Y	H	E	I	J	K	I
O	Z	A	M	A	N	Q	R	K	S	T	L
S	A	N	O	V	W	E	I	A	A	X	M
X	M	P	U	M	A	L	A	Y	S	I	A

Contoh ayat:

Semua kaum tanpa mengira bangsa menunjukkan semangat patriotik semasa menyambut Hari Kebangsaan.

Unit 6

KENIKMATAN HIDUP

1. **Kenal pasti dan nyatakan rasa bahan yang terdapat dalam gambar.**
2. **Apakah buah-buahan tempatan yang mempunyai rasa manis dan kelat?**
3. **Nyatakan nama buah-buahan yang anda gemari. Jelaskan sebabnya.**
4. **Mengapakah kita perlu mengawal cara pemakanan kita?**



Lazatnya Buah-buahan Kita

UNIT
6

Kenikmatan Hidup



Aktiviti

1. Sebut nama buah-buahan tempatan.
2. Nyatakan rasa buah-buahan muda dan masak.

Negara kita kaya dengan buah-buahan. Buah-buahan tempatan mempunyai pelbagai rasa, iaitu manis, masam, kelat dan pahit. Kita seharusnya bersyukur kerana dapat merasa pelbagai jenis buah yang enak di negara kita.



Kelat rasanya
pisang muda,
pisang masak
apakah rasanya?



Betik muda
tawar rasanya,
setelah masak,
bagaimanakah pula?



Nanas masak
manislah pula,
apakah rasa
nanas muda?





Cetusan Minda

Apakah khasiat jus buah-buahan kepada kesihatan anda?



Info Bahasa

Kosa kata umum

- pisang
- limau
- rambutan
- betik

Istilah saintifik

- manis
- masam
- kelat
- pahit



Masam rasanya limau muda, bagaimanakah rasa yang masak pula?



Rambutan muda pahit rasanya, jikalau masak, bagaimanakah pula?

Mangga masam ketika muda, apabila masak, bagaimanakah rasanya?



Tahukah Anda?

Buah durian belanda atau *annona muricata* mengandungi kandungan vitamin dan mineral yang tinggi. Buah ini juga mempunyai potensi bagi melawan kanser. Jus buah ini dapat meredakan demam, membunuh cacing, dan sebagai penawar cirit-birit.

(Sumber: <https://www.utusan.com.my/rencana/forum/khasiat-durian-belanda-1.726833>)

2.1.1

Menyebut, memahami dan menggunakan kosa kata umum dan istilah saintifik dengan tepat mengikut konteks sains.

Mari Rasa Makanan Kita



Aktiviti

1. Kenal pasti perubahan rasa pada makanan.
2. Bina ayat untuk menjelaskan hasil pemerhatian berdasarkan perubahan rasa yang berlaku pada makanan.

Mei Lee dan keluarganya seronok kerana dapat menikmati pelbagai rasa makanan tempatan ketika bercuti di Sabah. Mei Lee juga turut merasa makanan lain seperti kuih bakul, pulut kelupis dan tose.



Mi goreng



Hasil pemerhatian berdasarkan perubahan rasa yang berlaku:

tawar + pedas

Mi goreng yang berasa tawar menjadi pedas apabila dicampur dengan cili giling.

Pulut kelupis

Hasil pemerhatian berdasarkan perubahan rasa yang berlaku:

tawar + lemak





Cetusan Minda

Adakah anda menggemari kuih-muih tradisional Melayu? Berikan alasan.



Info Bahasa

Kata adjektif pancaindera rasa manis, masin, lemak, tawar, pedas, pahit.

Kuih bakul



Hasil pemerhatian berdasarkan perubahan rasa yang berlaku:

tawar + manis



Tose



Hasil pemerhatian berdasarkan perubahan rasa yang berlaku:

tawar + masin



Warna-warni Sifat Bahan

UNIT
6

Kenikmatan Hidup



Aktiviti

1. Kenal pasti jenis-jenis sifat kimia bahan.
2. Rumuskan sifat kimia pelbagai bahan berdasarkan perubahan pada warna kertas litmus.


Mei Ling, Kamala dan rakan-rakannya sedang menjalankan uji kaji untuk mengenal pasti sifat kimia jus epal dengan menggunakan kertas litmus.

Kamala, mari kita uji sifat kimia jus epal ini dengan kertas litmus. Kertas litmus mengesan sifat asid, alkali, dan neutral dalam pelbagai bahan. Mari kita lihat perubahan yang berlaku pada kertas litmus.

Betul, Lim. Kertas litmus merah ini menjadi biru. Nilai pH pada skala menunjukkan angka 11. Oleh sebab itu, sifat kimianya ialah alkali.



Hasil uji kaji, kertas litmus merah bertukar kepada biru. Sifat kimia jus epal ialah alkali dengan nilai pH 11. Mereka juga menjalankan uji kaji terhadap jus limau, jus peria dan air paip.



Cetusan Minda
Adakah kertas litmus berubah warna apabila diuji dengan bahan yang kering? Jelaskan.

Tahukah Anda?
Asam jawa boleh digantikan dengan jus limau dalam masakan kerana kedua-duanya bersifat asid dan mempunyai rasa masam.

Aneka Rasa Minumanku



Aktiviti

1. Kenal pasti sifat kimia minuman yang berbeza.
2. Catatkan dapatan pemerhatian uji kaji pada kertas litmus terhadap pelbagai jenis minuman.

Mei Ling dan rakan-rakannya sedang mengadakan uji kaji pelbagai jenis air di dalam makmal. Mereka mendapati bahawa terdapat perbezaan sifat kimia dalam air yang berlainan.

Neutral ialah sifat kimia yang terdiri daripada pelbagai rasa sama ada masin, manis dan tawar. Sifat kimia neutral tidak menukarkan warna kertas litmus biru dan merah. Nilai pH neutral ialah 7.

Asid ialah sebatian kimia yang bersifat mengakis dan mempunyai rasa masam. Asid mengubah kertas litmus biru menjadi merah. Nilai pH asid kurang daripada 7.



air soya



air paip



jus anggur




kopi



teh O



minuman tenaga





Cetusan Minda

Mengapakah pewarna tiruan dalam minuman berbahaya kepada kesihatan?

UNIT 6

Kenikmatan Hidup



air berkarbonat



air coklat



air mineral



air gula



jus lemon



jus saderi



jus epal

susu segar



jus oren



Lakukan uji kaji untuk mengenal pasti sifat kimia minuman yang berikut:

Alkali mempunyai rasa pahit. Alkali adalah licin seperti sabun dan dapat mengubah kertas litmus merah menjadi biru. Nilai pH alkali lebih daripada 7.

9

Alkali

10

11

12

2.3.2

Mengenal pasti maklumat yang betul dan tepat daripada teks dan grafik mengenai perubahan atau fenomena yang berlaku dan membuat persembahan dalam bentuk grafik atau ilustrasi.

Cuci dan Uji



Aktiviti

1. Kenal pasti sifat kimia pelbagai bahan keperluan rumah.
2. Bersoal jawab tentang sifat kimia pelbagai bahan keperluan rumah berdasarkan perubahan warna kertas litmus.



Lim dan rakan-rakannya ingin menjalankan uji kaji tentang sifat kimia pelbagai bahan keperluan rumah untuk projek buku skrap. Lim menghubungi rakan-rakannya untuk bertanya tentang tugas tersebut.

Barangan Penjagaan Diri



losen




cecair mandian



minyak wangi

2 Sifat kimia cecair pencuci pakaian ialah alkali dengan nilai pH 10. Kertas litmus merah berubah kepada biru.



Barangan Dapur



kicap



minyak jagung



cuka



Cetusan Minda

Apakah kegunaan asid dalam kehidupan harian?

UNIT
6

Kenikmatan Hidup

1

Cuba kita uji cecair pencuci pakaian. Apakah nilai pH dan sifat kimianya?

3

Mari kita uji bahan keperluan rumah yang lain pula.

Bahan Pencuci



cecair
pencuci
pakaian



peluntur



cecair
pelembut
pakaian

2.4.1

Bersoal jawab tentang sesuatu fenomena yang berlaku menggunakan bahasa yang betul secara bertatasusila.

Beringat sebelum Terkena

UNIT 6

Kenikmatan Hidup



Aktiviti

1. Kenal pasti jenis makanan yang manis dan masin.
2. Bincangkan sebab dan akibat pengambilan makanan manis dan masin yang berlebihan.

Danial ke hospital kerana tidak sihat. Doktor mendapati bahawa Danial menghidap penyakit diabetes. Kandungan gula dalam darahnya tinggi melebihi paras normal.

1 Salam sejahtera, doktor. Bagaimanakah saya boleh menghidap penyakit diabetes?

3 Doktor, apakah makanan yang perlu saya elakkan?

5 Terima kasih, doktor. Nasihat doktor akan saya patuhi.

2 Salam sejahtera, Danial. Pengambilan gula yang berlebihan dalam makanan menjadi punca utama awak menghidap penyakit diabetes.

4 Saya nasihatkan awak kurangkan pengambilan makanan yang mengandungi kadar gula yang tinggi seperti nasi, minuman berkarbonat, dan makanan yang manis.



Semasa di kampung, Danial membantu datuknya mengambil bacaan tekanan darah.



Cetusan Minda

Apakah kesan pengambilan pemanis tiruan terhadap kesihatan?


1 Danial, boleh tolong ambil bacaan tekanan darah, datuk?

2 Boleh, datuk.

4 Eh, tinggi juga bacaannya! Baiklah, Danial. Datuk akan berjumpa dengan doktor.

3 Tekanan darah datuk tinggi, iaitu 155/92. Datuk perlu berjumpa dengan doktor!

5 Makanan dengan kandungan garam dan perasa yang berlebihan perlu datuk jauhi.



2.4.2

Berbincang tentang sesuatu fenomena yang berlaku menggunakan bahasa yang betul secara bertatasusila dalam pelbagai situasi.

Waspada Bahaya Menanti

UNIT 6

Kenikmatan Hidup



Aktiviti

1. Kenal pasti jenis makanan yang masam dan pahit.
2. Bincangkan sebab dan akibat pengambilan makanan yang masam dan pahit secara berlebihan.

Lisa melawat ke pameran kesihatan yang diadakan di dewan sekolahnya. Doktor Anita memberikan penerangan tentang risiko pengambilan makanan masam dan pahit secara berlebihan.

Bahaya Makanan Masam Berlebihan

Pengambilan makanan masam secara berlebihan meningkatkan risiko kelahiran pramatang. Selain itu, makanan yang masam juga menyebabkan sakit sendi, sakit perut, sembelit, lesu, dan sakit kepala.

(Sumber: *Berita Harian*,
6 Oktober 2018)



Bahaya Makanan Pahit Berlebihan

Kajian menunjukkan bahawa wanita yang terlalu sensitif dengan rasa pahit yang berlebihan akan lebih berisiko menghidap penyakit kanser. Dapatan kajian ini diterbitkan dalam *European Journal of Nutrition* pada 6 Julai 2018 melalui hasil kajian terhadap 5 500 orang wanita Inggeris.



Sejak menghidap sakit sendi, datuk Lisa sukar untuk berjalan.



Cetusan Minda

Mengapakah kita perlu mengambil makanan seimbang?

Datuk, apa khabar hari ini?
Bagaimanakah keadaan datuk sekarang?

Doktor berpesan supaya datuk mengelakkan makanan yang masam seperti jeruk dan makanan berasid.

Datuk semakin sukar untuk berjalan sekarang, Lisa.

Baiklah, Lisa. Datuk akan menjaga kesihatan dan mengelakkan semua makanan itu.

UNIT
6

Kenikmatan Hidup



Tahukah Anda?

Makanan pahit dapat membuang bahan toksik yang ada dalam tubuh, misalnya pada hati. Makanan masam seperti lemon pula dapat membakar lemak, melancarkan pencernaan, mengawal kadar gula dalam darah, dan meningkatkan sistem imun tubuh seseorang. Namun begitu, jika diambil secara berlebihan, kedua-dua makanan ini akan memudaratkan kesihatan.

2.4.2

Berbincang tentang sesuatu fenomena yang berlaku menggunakan bahasa yang betul secara bertatasusila dalam pelbagai situasi.



Mari Berkomunikasi



Aktiviti

1. Bincangkan simptom bagi penyakit diabetes dan penyakit jantung berdasarkan poster.
2. Bersoal jawab tentang bahaya penyakit diabetes dan penyakit jantung.

UNIT 6

Kenikmatan Hidup

Tanda & Gejala DIABETES (Kencing Manis)



Kerap membuang air kecil (*Polyuria*)



Cepat penat dan lemah sepanjang masa



Kerap dahaga (*Polydipsia*)



Pelihatan kabur



Kerap lapar (*Polyphagia*)



Rasa kebas pada hujung saraf di telapak tangan dan kaki



Urin mengandungi paras gula yang tinggi (*Glycosuria*)



Luka lambat sembuh



Berat badan turun mendadak



Mudah terkena jangkitan kuman terutama pada kulit

* Tidak semua tanda dan gejala akan dialami oleh pesakit diabetes.

Sumber: MyE-ALTY Kementerian Kesihatan Malaysia

SERANGAN SAKIT JANTUNG

Sakit jantung berlaku apabila salur darah jantung menjadi sempit. Penyempitan ini berlaku kerana dinding di sebelah dalam saluran darah diselaputi lemak, terutamanya kolesterol, maka ada bahagian jantung yang tidak mendapat bekalan darah dan oksigen yang cukup.

GEJALA

Rasa sakit dada di bahagian kiri atau tengah dada yang menular ke bahu, lengan kiri, leher, dagu dan belakang badan.

- sesak nafas
- keletihan
- badan berpeluh
- terasa loya
- jantung berdebar
- pitam atau pening
- sakit di hulu hati

Kementerian Kesihatan Malaysia | KKMPutrajaya


(Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia)



KREATIVITI DAN INOVASI

1. **Senaraikan bentuk asas yang terdapat dalam gambar.**
2. **Mengapakah bentuk asas penting dalam kehidupan?**
3. **Apakah kepentingan kreativiti dan inovasi dalam kehidupan?**
4. **Nyatakan kepentingan ukuran dalam sesuatu rekaan.**






Kenali Bentuk Asas



Aktiviti

1. Sebut bentuk asas dua dimensi (2D) dan tiga dimensi (3D).
2. Terangkan ciri-ciri bentuk asas 2D dan 3D.

Kumar dan Alicia sedang berbincang tentang bentuk asas 2D dan 3D. Mereka mendapati bahawa bentuk asas penting dalam bidang reka cipta untuk menghasilkan lakaran corak atau objek.





Info Bahasa

Kosa kata umum


- sisi • bucu • permukaan rata
- permukaan melengkung

Istilah matematik


- 2 dimensi • segi empat sama
- segi empat tepat • segi tiga
- 3 dimensi • kubus • kuboid
- silinder • kon • sfera
- piramid




bentangan kubus



kubus



bentangan kuboid



kuboid



silinder



bentangan silinder

Kumar: Ciri-ciri bentuk 2D seperti segi empat tepat mempunyai empat bucu, empat sisi, dua sisi bertentangan sama panjang, dan satu permukaan rata. Bagaimanakah bentuk 3D pula, Alicia?

Alicia: Bentuk 3D seperti silinder mempunyai dua permukaan rata, satu permukaan melengkung, dan mempunyai dua sisi. Bentuk ini tiada bucu. Bagaimanakah bentuk yang lain pula, Kumar?

Kumar: _____


Mari Kita Ukur



Aktiviti

1. Nyatakan unit ukuran bentuk 2D dan 3D.
2. Ukur bentuk 2D dan 3D dengan menggunakan pembaris.
3. Bina ayat berdasarkan unit ukuran bentuk 2D dan 3D.

Kumar dan Alicia melawat ke Bangunan Sultan Abdul Samad yang terletak di Kuala Lumpur. Mereka mendapati bentuk 2D dan 3D banyak terdapat pada bangunan tersebut.





Cetusan Minda


Mengapakah unit ukuran penting dalam kehidupan kita?



Info Bahasa

Ayat majmuk

Panjang kotak ialah 20 cm, lebar 15 cm, dan tinggi 10 cm.



Mari kita ukur objek 2D



Ukur buku anda dengan pembaris dan bina ayat tunggal berdasarkan jawapan dalam unit ukurannya.

Contoh ayat:

Panjang buku latihan saya ialah 30 cm. Lebar buku latihan saya ialah 20 cm.

Mari kita ukur objek 3D



Ukur kotak dengan pembaris dan bina ayat majmuk berdasarkan jawapan anda.

Contoh ayat:

Panjang kotak ialah 20 cm, lebar 15 cm, dan tinggi 10 cm.



Tahukah Anda?

1. Rumus untuk mendapatkan luas permukaan bentuk 2D ialah panjang \times lebar.
2. Rumus untuk mendapatkan ukuran 3D ialah panjang \times lebar \times tinggi.
3. Ukuran lebar lebih pendek daripada ukuran panjang.

Kita Pikir, Kita Hasilkan

UNIT
7

Kreativiti dan Inovasi



Aktiviti

1. Baca langkah-langkah melukis bentangan model sebuah kotak hadiah dan hasilkan bentangan tersebut.
2. Hasilkan bentangan tabung simpanan wang dengan menggunakan ukuran yang tepat.

Ravin dan Nazmi ingin memberikan hadiah kepada Stacy bersempena dengan hari lahirnya. Mereka ingin menghasilkan sebuah kotak hadiah sendiri dengan merujuk buku *Pendidikan Seni Visual* dan majalah *Idea Kreatif*.

Bahan-bahan
untuk membuat
kotak hadiah:


- Kadbod
- Pembaris
- Gunting
- Gam
- Pensel
- Pensel warna
- Alat hiasan

Kotak Hadiah



Cara-cara menghasilkan kotak hadiah:

1. Lukis bentangan dengan berpandukan ukuran pada rajah di bawah.
2. Lukis garis putus-putus sebagai tanda lipatan.
3. Gunting kadbod pada garisan yang dilukis kecuali garisan putus-putus.
4. Lipat kadbod pada garisan putus-putus.
5. Lekatkan kadbod yang dilipat dengan menggunakan gam.
6. Hias kotak hadiah mengikut kreativiti.






Cetusan Minda

Mengapakah bentuk geometri menjadi asas rekaan bentuk bangunan?

Tabung Simpanan Wang

Bahan-bahan untuk membuat tabung simpanan wang berbentuk piramid:

- Kadbod
- Pembaris
- Gunting
- Pensel
- Penebuk kertas
- Gam



Tahukah Anda?

Rangka bumbung berbentuk segi tiga akan menghasilkan bumbung atap yang curam. Reka bentuk ini sesuai dibina di Malaysia kerana Malaysia menerima hujan yang banyak dan mampu mengalirkan air dengan cepatnya dari bumbung.

3.3.1

Mengenal pasti masalah matematik daripada pelbagai sumber dan penyelesaian matematik dengan jelas dan sesuai.

Wah, Uniknya Bentuk!



Aktiviti

1. Baca langkah-langkah membina model sebuah rumah burung.
2. Hasilkan reka bentuk model sebuah rumah burung berpandukan langkah-langkah yang diberikan.


Kelab Seni Visual SMK Putera Puteri mengadakan pameran hasil kerja murid. Stacy tertarik oleh keunikan model rumah burung yang dipamerkan. Dia ingin menghasilkan model rumah burung mengikut kreativiti sendiri.

Bahan-bahan untuk membuat model rumah burung:

- kad manila • pembaris • gunting • gam • penutup botol • pensel


Bahan hiasan

- pensel warna • cat air • reben




Ukur dan lukis bentangan model rumah burung seperti yang berikut:


1. Ukur panjang setiap sisi segi empat sama, 10 cm.
2. Ukur tinggi untuk segi tiga, 10 cm.
3. Ukur kedua-dua sisi segi tiga, 11 cm.



Ukur dan lukis garis putus-putus sebagai tanda lipatan kotak berukuran 1 cm.



Lukis bulatan dengan menggunakan penutup botol air mineral.




4 Guntingkan bentangan model rumah burung yang telah diukur.




9 Hias model rumah burung mengikut kreativiti anda.




5 Guntingkan bentangan bumbung yang berukuran 26 cm panjang dan 12 cm lebar.




8 Lipat bentangan bumbung sama panjang dan gamkannya pada bahagian atas kad manila.



6 Lipat kad manila dengan kemasnya pada sepanjang garisan putus-putus.



7 Gamkan bahagian yang dilipat dan cantumkannya.



Cetusan Minda

Mengapakah ukuran penting dalam penghasilan model?

Lagu, Oh, Lagu!



Aktiviti

1. Nyanyikan lagu 2D dan 3D.
2. Sebut ciri-ciri bentuk 2D dan 3D.
3. Ukur saiz bentuk 2D dan 3D.

SMK Putera Puteri akan mengadakan Minggu Matematik dan Sains. Tingkatan Peralihan Cemerlang akan membuat persembahan nyanyian lagu 2D dan 3D.

LAGU 2D

Mari kawan-kawan, kenal bentuk ini
Kalau kita lupa, nanti kita rugi.

Segi empat sama, panjang sisi sama
Punya empat bucu, permukaan rata.

Segi empat sama, apakah namanya?
Jubin pada lantai, itulah jawabnya.

Segi empat tepat, beza sisi panjang
Dua sisi pendek, dua sisi panjang.

Segi empat tepat, buku tulis kita
Jalur Gemilang itulah contohnya.

Segi tiga pula lain ceritanya
Ada tiga sisi dan tiga bucuanya.

Bentuk segi tiga apakah contohnya?
Kuih samosa, begitulah jawabnya.

Terima kasih kami ucapkan
Ilmu ini janganlah lupakan.

(Melodi lagu *Air Pasang Dalam*)



IMBAS SAYA



LAGU 3D

Piramid, silinder dan sfera
Kubus, kuboid bersegi-segi
Mukanya rata bulat pun ada
Melengkung dan tegak bersisi.

Kubus bersegi empat sama
Lapan bucunya, dua belas sisinya
Enam mukanya sama rata
Bongkah rubik itu contohnya.

Guli dan bola serta bumi
Satu permukaan sahaja
Tiada berbucu bersisi
Itulah dia bentuk sfera.

Silinder pula punya giliran
Umpamanya gelas minuman
Dua sisinya, tiga permukaan
Tiada bucu tiada sempadan.

Itulah bongkah pelbagai rupa
Inilah asas mereka cipta
Hasil pelbagai bentuk rupa
Semua benda dapat dicipta.

(Melodi lagu *Bapaku Pulang dari Kota*)



IMBAS SAYA

Kita Mampu Mengubahnya



Aktiviti

1. Bersoal jawab tentang masalah reka bentuk dengan melibatkan pelbagai strategi matematik.
2. Bincangkan bahan kitar semula yang sesuai bagi menghasilkan bekas alat tulis.

Mei Ling membuat kerja sekolah di dalam biliknya. Dia mendapati alat tulisnya tidak tersusun rapi kerana tiada bekas yang sesuai untuk menyimpannya. Dia melayari Internet untuk menghasilkan bekas alat tulis daripada bahan terbuang.



Keesokan harinya, Mei Ling mengajak Gauri dan Stacy menghasilkan bekas alat tulis dengan menggunakan bahan kitar semula.


1 Selamat pagi, Gauri dan Stacy.

2 Selamat pagi, Mei Ling.



3 Saya ada masalah untuk menyimpan alat tulis saya di rumah. Saya telah melayari Internet untuk menghasilkan bekas alat tulis yang sesuai. Marilah kita buat bersama-sama.








Mari Berkomunikasi






Aktiviti

Teliti gambar dan ukuran yang terdapat di bawah. Kemudian, bincangkan dengan menggunakan ayat matematik.



- Panjang fail ialah 32 cm.
- Lebar fail ialah 22 cm.











Penilaian



Aktiviti

Lengkapkan ayat di bawah.



1. Segi empat sama mempunyai ____ bucu, empat sisi, semua sisi ____ panjang, dan satu permukaan rata.
2. Bentuk yang ada satu permukaan ____, satu sisi melengkung, dan tiada ____ ialah bulatan.
3. Segi empat tepat mempunyai empat bucu, empat ____, dua sisi bertentangan sama panjang, dan satu permukaan ____.
4. Bentuk yang ada ____ permukaan rata, ____ permukaan melengkung, dan dua sisi ialah silinder.
5. Kubus mempunyai ____ permukaan rata, ____ bucu, dan dua belas sisi yang sama panjang.
6. Bentuk yang ada ____ permukaan rata, lima bucu, dan ____ sisi ialah piramid.

Unit 8

KENALI BENTUK

1. **Bezakan reka bentuk sesuatu bahan dahulu dengan kini dari segi bentuk, fungsi, dan inovasi.**
2. **Apakah kepentingan reka bentuk dalam kehidupan?**
3. **Mengapakah reka bentuk sesuatu bahan sering berubah?**
4. **Sekiranya anda seorang pereka automotif, bagaimanakah bentuk kenderaan yang akan anda reka?**





Reka Bentuk Kegemaranku

UNIT
8

Kenali Bentuk



Aktiviti

1. Berikan maksud reka bentuk.
2. Sebut perkataan dan istilah teknologi mengikut konteks.
3. Perihalkan reka bentuk sesuatu produk dengan menggunakan perkataan dan istilah teknologi yang sesuai.

Siva dan kawan-kawannya sangat meminati bidang reka bentuk. Semasa Cikgu Haliza mengajarkan tajuk reka bentuk, mereka memberikan tumpuan dengan sepenuh perhatian.

1 Minggu lepas, cikgu telah minta kamu mencari maksud reka bentuk. Siapakah yang boleh memberikan maksudnya?

2 Saya, cikgu. Reka bentuk ialah pengetahuan tentang susunan bahan secara terancang untuk menghasilkan sesuatu produk yang berinovasi.

6 Nampaknya, kamu sudah memahami maksud reka bentuk. Cikgu mahu kamu mencipta satu reka bentuk produk yang memenuhi maksud reka bentuk.



Info Bahasa

Istilah teknologi

- produk
- reka bentuk
- daya saing
- berinovasi

UNIT 8

Kenali Bentuk

3 Produk reka bentuk juga mesti memberikan kesan yang baik kepada pengguna, cikgu.

4 Reka bentuk yang dihasilkan mesti dapat menyelesaikan masalah manusia, cikgu.

5 Sesuatu produk yang dihasilkan itu juga mesti mempunyai daya saing dengan produk yang ada di pasaran.



Cetusan Minda

Mengapakah reka bentuk sesuatu produk sentiasa berubah?

4.1.1

Menyebut, memahami dan menggunakan kosa kata umum dan istilah teknologi dengan tepat mengikut konteks teknologi.

Hebatnya Reka Bentuk



Aktiviti

1. Jelaskan kepentingan reka bentuk dengan menggunakan perkataan dan istilah teknologi yang sesuai.
2. Huraikan penghasilan produk berdasarkan kepentingan reka bentuk.
3. Bina ayat mudah untuk menjelaskan perancangan dan prosedur kepentingan sesuatu reka bentuk.

Setelah mengetahui makna reka bentuk, Siva, Lim dan Adrian diminta mencari maklumat tentang kepentingan reka bentuk. Mereka juga berbincang tentang perancangan untuk menghasilkan sesuatu reka bentuk.

KEPENTINGAN REKA BENTUK

- 1 memudahkan urusan kerja
- 2 menyelesaikan masalah manusia
- 3 memupuk kreativiti dan inovasi
- 4 memenuhi kehendak individu dan masyarakat
- 5 mengekalkan kebersihan alam sekitar
- 6 menyumbang perkembangan teknologi moden



- Lesung batu digunakan untuk menumbuk ramuan masakan supaya menjadi halus.
- Lesung batu diperlukan untuk memudahkan kerja memasak.
- Kelemahannya, lambat dan bahan yang ditumbuk memercik ke luar.
- Lesung batu berat dan sukar dibawa.



- Alat pengisar moden dicipta untuk menyelesaikan masalah manusia.
- Reka bentuk dan teknologi alat pengisar ini menjadikan kerja memasak mudah dan pantas.
- Alat pengisar ini ringan, bersih, dan senang dibawa.



menggosok
pakaian



menurunkan
suhu



menanak nasi



Lim, banyak lagi contoh reka bentuk produk pada zaman dahulu dan kini yang dapat kita ketahui.

Betul, Siva. Kita boleh menggunakan produk tersebut untuk menjelaskan kepentingan reka bentuknya.



Cetusan Minda

Mengapakah kita perlu reka bentuk sesuatu produk?

4.2.1

Membina ayat untuk menjelaskan sesuatu perancangan dan prosedur sesuatu perkara dengan betul secara gramatis mengikut konteks.

Tiada yang Lama, Tiada yang Baharu

Aktiviti



1. Sebut bentuk-bentuk asas dengan betulnya.
2. Namakan bentuk-bentuk asas objek yang terdapat dalam gambar.
3. Bersoal jawab tentang bentuk-bentuk asas dalam sesuatu reka bentuk secara bertatasusila.



Cikgu Anne menunjukkan gambar sebuah bangunan kepada murid-muridnya. Beliau bersoal jawab dengan muridnya tentang bentuk-bentuk asas yang terdapat pada reka bentuk bangunan tersebut.

1 Selamat pagi semua. Murid-murid, bolehkah kamu menamakan bentuk-bentuk asas dalam reka bentuk?

2 Saya tahu, cikgu. Bentuk-bentuk asas dalam reka bentuk ialah sfera, kon dan poligon.

3 Bagus, Adrian. Betul jawapan kamu. Seterusnya, sila teliti gambar bangunan ini. Apakah bentuk-bentuk asas yang dapat kamu lihat?

4 Bentuk-bentuk asas yang ada pada bangunan itu ialah ____.

bentuk poligon

bentuk sfera

bentuk kon

bentuk silinder

bentuk kuboid



Cetusan Minda

Bagaimanakah reka bentuk bangunan dapat menarik kehadiran pelancong ke negara kita?



Tahukah Anda?

Bentuk-bentuk asas ini juga dikenali sebagai geometri. Perkataan geometri daripada bahasa Greek yang bermaksud “geo” untuk bumi dan “metron” untuk pengukuran. Geometri satu cabang matematik yang mengkhusus pemahaman tentang bentuk, saiz, kedudukan relatif objek, dan pencirian sesuatu ruang.

Aku Sebuah Basikal

UNIT 8

Kenali Bentuk




Aktiviti

1. Kenal pasti maklumat perancangan dan prosedur reka bentuk sebuah basikal.
2. Jelaskan penggunaan elemen reka bentuk dalam lakaran basikal tersebut.

Adrian dan rakan-rakannya membaca maklumat tentang elemen reka bentuk daripada poster. Mereka berbincang tentang elemen yang perlu ada pada reka bentuk basikal yang ingin direka.

Elemen ialah unsur-unsur yang memberikan idea kepada seseorang untuk merancang sesuatu rekaan. Idea awal akan dibuat dalam bentuk lakaran atau lukisan. Elemen reka bentuk membolehkan idea rekaan disampaikan secara jelas kepada orang lain. Terdapat tujuh elemen reka bentuk yang sering digunakan.





Roda-roda Hidupku

Rekaan aku sangat unik. Bermula dengan satu titik yang menjadi garisan, aku dilakarkan dengan pelbagai elemen reka bentuk. Perkara pertama yang direka pada badan aku ialah dua garisan bulat yang dinamakan roda. Badanku digerakkan oleh roda-roda yang ada pada diriku. Rodaku berbentuk bulat dan mempunyai ruang-ruang di tengah-tengahnya supaya aku dapat bergerak dengan gembiranya.

Tekstur rodaku agak kasar dan bercorak supaya dapat mengawal pergerakanku daripada permukaan yang licin. Tekstur tempat duduk

dan pemegang pada badanku juga sesuai dengan fungsinya. Tempat duduk dan pemegang bertekstur licin supaya tuan aku selesa semasa menunggang.

Pada badanku juga direka lampu bagi kegunaan pada waktu gelap. Aku juga dicipta dalam pelbagai warna. Pengguna boleh memilih warna kesukaan mereka. Aku akan bahagia sekiranya dapat berkhidmat kepada tuan aku.



Tahukah Anda?

Jam mekanikal pertama dicipta di England pada 1386, kemudian di Perancis pada 1389.



Cetusan Minda

Apakah peranan warna dalam reka bentuk?

Prinsip Reka Bentuk

UNIT
8

Kenali Bentuk



Aktiviti

1. Senaraikan prinsip reka bentuk.
2. Baca maklumat tentang prinsip reka bentuk.
3. Nyatakan maklumat sesuatu perancangan dan prosedur dengan menggunakan teks dan grafik secara betul dan jelas.
4. Teliti lakaran gitar dan nyatakan prinsip reka bentuk yang terdapat pada gitar.

Siva, Lim dan Adrian masih mempunyai tugas yang diarahkan oleh Cikgu Anne. Mereka perlu mencatat maklumat tentang prinsip reka bentuk dan membentangkannya di dalam kelas. Siva membaca maklumat itu daripada majalah reka bentuk. Dia juga meminta Lim dan Adrian mendapatkan maklumat itu daripada laman sesawang.

Prinsip Reka Bentuk

Prinsip reka bentuk ialah aturan yang digunakan pada elemen reka bentuk untuk memudahkan pembinaan sesuatu objek. Dengan ini, visual yang dihasilkan menarik dan memberikan kepuasan kepada pelanggan. Prinsip reka bentuk adalah seperti yang berikut:

1. Keseimbangan

Ada dua jenis keseimbangan, iaitu keseimbangan simetri (formal) dan keseimbangan asimetri (tidak formal).

2. Pengulangan

Pengulangan ialah penyusunan semula objek secara berulang-ulang dari segi saiz dan bentuk.

3. Kontras

Kontras ialah sesuatu perbezaan ketara pada ciri elemen yang digunakan.

4. Kepelbagaian

Kepelbagaian ialah penggunaan pelbagai gaya, nilai, dan idea yang berbeza dalam reka bentuk.

5. Kesatuan

Kesatuan bermaksud elemen bergabung untuk membentuk imej, tema atau idea yang sempurna.

6. Keringkasan

Keringkasan ialah idea kompleks yang diringkaskan.

7. Prinsip harmoni

Prinsip harmoni memberikan keamanan dan kedamaian.





Cetusan Minda

Bagaimanakah prinsip reka bentuk digunakan dalam penghasilan fesyen pakaian? Jelaskan.

UNIT
8

Kenali Bentuk

Prinsip reka bentuk gitar ialah keseimbangan yang terletak pada talinya.

Garisan lurus pada tali gitar mewakili prinsip pengulangan, iaitu disusun secara berulang-ulang.

Reka bentuk gitar juga mempunyai prinsip kepelbagaian, iaitu bentuknya yang pelbagai gaya, nilai, dan idea yang berbeza.

Reka bentuk gitar juga ada prinsip harmoni yang dapat memberikan keamanan dan kedamaian.



Tahukah Anda?

Fungsi kontras dalam sesuatu reka bentuk adalah untuk menarik perhatian, memberikan fokus, mengelakkan kebosanan, dan memberikan kesan pergerakan.

4.3.2

Mengemukakan maklumat daripada pelbagai sumber mengenai sesuatu perancangan dan prosedur menggunakan teks dan grafik dengan betul dan jelas.

Kerjaya Idamanku

Aktiviti



1. Bincangkan kerjaya dalam dunia reka bentuk dengan betulnya dan jelasnya.
2. Huraikan penyelesaian masalah berkaitan dengan kerjaya reka bentuk secara rasional dan bertatasusila.



Lim dan Adrian bercita-cita ingin menceburi kerjaya dalam bidang reka bentuk. Mereka suka akan cabaran dan ingin menyelesaikan masalah manusia dalam bidang reka bentuk.

Tugas arkitek mereka bentuk sesuatu bangunan yang bersesuaian dengan kehendak serta keperluan pelanggan. Selain itu, arkitek perlu memenuhi undang-undang yang ditetapkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Arkitek bertanggungjawab menyediakan pelan reka bentuk bangunan untuk kelulusan PBT. Seterusnya, arkitek perlu mengawasi dan menyelia kerja semasa pembinaan supaya sesuai dan selamat digunakan.

Masalah yang sering dihadapi oleh arkitek dalam penghasilan reka bentuk ialah pemilihan bahan binaan yang sesuai dengan cuaca setempat dan budaya masyarakat di sesebuah negara. Oleh sebab itu, arkitek perlu mengambil kira perkara tersebut sebelum mereka bentuk sesebuah bangunan. Hal ini penting supaya rekaan itu sesuai dan selamat untuk didiami.



Arkitek





Pereka Hiasan Dalaman

- saiz ruang dan jenis perabot
- susunan perabot



Pereka Landskap

- reka bentuk taman
- mencantikkan kawasan taman



Pereka Automotif

- reka bentuk kenderaan
- jaminan kualiti



Tahukah Anda?

Hijias bin Kasturi ialah arkitek Malaysia yang terkenal. Beliau dikenali sebagai Bapa Seni Bina Malaysia kerana rekaannya yang kreatif dan unik. Semangat dan jiwa Melayu yang mengalir dalam diri beliau mempengaruhi rekaan seni binanya. Rekaan bangunan seperti Menara Maybank, Tabung Haji, Telekom Malaysia Berhad dan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya ialah inspirasi daripada unsur-unsur kemelayuan.

4.4.2

Berbincang dan menyelesaikan masalah berkaitan reka bentuk dan teknologi secara rasional, dengan betul, jelas dan bertatasusila.



Mari Berkomunikasi



Aktiviti

Secara berkumpulan, hasilkan satu reka bentuk produk yang sesuai bagi menyelesaikan masalah berdasarkan kad arahan.

Setiap hari, Ravi berbasikal ke sekolah. Dia keluar dari rumah pada pukul 6:00 pagi. Cipta satu reka bentuk alat keselamatan yang sesuai digunakan oleh Ravi semasa perjalanannya ke sekolah demi keselamatan dirinya. Bentangkan hasil reka bentuk alat keselamatan dan jelaskan kepentingan alat itu.

Suara dan Pilihan Murid

Murid membuat perancangan reka bentuk dan pemilihan bahan untuk menghasilkan produk.

1

Inkuiri dan Inovasi

Murid menghasilkan lakaran reka bentuk produk berdasarkan kreativiti kumpulan dan menjelaskan sebab-sebab penghasilan produk serta kegunaannya.

3

Pembentangan Produk

Murid mengadakan sesi jalan galeri (gallery walk) untuk mempamerkan lakaran reka bentuk produk serta penilaian rakan sebaya.

5

Membina Soalan Utama

Murid dalam kumpulan mengenal pasti masalah dan mencadangkan penyelesaian masalah.

2

Kemahiran Abad Ke-21

Murid mengagihkan dan melaksanakan tugas mengikut kebolehan ahli kumpulan.

4

Maklum Balas dan Semakan

Murid melakukan sesi satu tetap tiga lilau (one stay, three stray) untuk menilai hasil kerja dan melakukan penambahbaikan berdasarkan maklum balas rakan.

6

(Sumber: Kit PAK21, Kementerian Pendidikan Malaysia)



Penilaian



Aktiviti

Baca dan fahami petikan. Kemudian, jawab soalan pemahaman.

UNIT
8

Kenali Bentuk



Seni reka fesyen ialah bidang yang kaya dengan warisan dan falsafah. Setiap ciptaan fesyen perlu melambangkan identiti dan budaya sesuatu masyarakat. Pereka fesyen harus mengikuti perkembangan fesyen berdasarkan perubahan demografi, tingkah laku, dan gaya hidup manusia.

Untuk menjadi pereka fesyen, bakat perlu diasah, dibimbing, dan digilap. Pereka fesyen perlu ada pendidikan formal atau pengalaman dalam industri. Mereka perlu merancang untuk menyiapkan pelbagai rekaan fesyen pakaian. Mereka perlu mengetahui fesyen yang ingin direka.

Masalah yang sering dihadapi oleh pereka fesyen adalah untuk memenuhi kehendak dan cita rasa pelanggan yang pelbagai. Selain itu, pemilihan corak dan jenis kain yang sesuai juga ialah perkara yang perlu diberikan perhatian oleh pereka fesyen. Mereka haruslah bijak menyesuaikan fesyen untuk pelanggannya.


1. Apakah bidang tugas pereka fesyen?
2. Bagaimanakah pereka fesyen menyelesaikan masalahnya?
3. Mengapakah pereka fesyen perlu mengetahui perkembangan fesyen terkini?
4. Seandainya anda pereka fesyen, lakarkan dan jelaskan fesyen masa hadapan yang akan anda reka.





BUMIKU

- 1. Berdasarkan gambar, bincangkan rupa bentuk muka bumi.**
- 2. Apakah yang meliputi bentuk muka bumi pada Zaman Air Batu?**
- 3. Bagaimanakah keadaan tumbuhan pada Zaman Air Batu?**
- 4. Nyatakan daratan dan lautan yang wujud kesan daripada kecairan air batu.**





Sejuknya Zaman Air Batu



Aktiviti

1. Sebut perkataan dan istilah sejarah yang terdapat dalam *Syair Zaman Air Batu*.
2. Kenal pasti dan cari maksud perkataan dan istilah sejarah tentang Zaman Air Batu dengan merujuk infografik.

Paramasivam, Chong, Kelvin dan Malathi sedang menjalani aktiviti jalan galeri di dalam kelas. Mereka dikehendaki mendapatkan maklumat tentang ciri-ciri Zaman Air Batu berdasarkan paparan syair, petikan teks, dan gambar tunggal.

Syair Zaman Air Batu

Tersebutlah kisah zaman dahulu,
Berjuta-juta tahun yang lalu,
Bumi ini membeku selalu,
Zaman Air Batu datang melulu.

Zaman Air Batu sejuk sekali,
Ais meliputi bertali-tali,
Salji turun berselang-seli,
Tumbuhan musnah sama sekali.

Sungai menjadi air batu,
Air di tasik juga begitu,
Flora dan fauna tidak menentu,
Itu kesan Zaman Air Batu.

Berakhirlah sudah Zaman Air Batu,
Kenaikan suhu punca yang jitu,
Ais mencair satu per satu,
Air laut meningkat sudahlah tentu.

Nukilan,
Fida FN



IMBAS SAYA

STESEN 1



Zaman Air Batu ialah zaman **suhu bumi** menurun hingga mencapai **tahap beku**.



Cetusan Minda

Apakah yang akan anda lakukan apabila berada di kawasan beriklim sejuk?

UNIT
9

Bumiku

STESEN 2



Permukaan bumi membeku dalam masa yang lama sehingga membentuk lapisan ais yang tebal di kawasan kutub dan pergunungan.

STESEN 3



Cuaca yang terlalu sejuk menyebabkan sungai dan tasik membeku.

STESEN 4



Pada Zaman Air Batu Akhir, suhu meningkat menyebabkan ais cair. Paras air laut meningkat.

1.1.1

Menyebut, memahami dan menggunakan kosa kata umum dan istilah sejarah dengan tepat mengikut konteks.

Terokailah Zaman Air Batu



Aktiviti


1. Kenal pasti tahap-tahap Zaman Air Batu.
2. Bersoal jawab dengan menggunakan soalan bercapah tentang tahap-tahap Zaman Air Batu secara bertatasusila.



Siva, Tai Leong dan Patricia bersoal jawab tentang tahap-tahap Zaman Air Batu sebagai persediaan untuk menjawab kuiz dalam mata pelajaran Amalan Bahasa Melayu.

1


Salam sejahtera, Tai Leong dan Patricia. Tahukah awak berdua, Zaman Air Batu terdiri daripada empat tahap? Tahap pertama Zaman Air Batu ialah Zaman Miosen. Zaman Miosen berkembang dari sekitar 23 juta hingga 5 juta tahun yang lalu. Padang rumput dan hutan tidak tebal.



Zaman Miosen

3

Terima kasih, Siva dan Tai Leong! Tahap ketiga Zaman Air Batu pula ialah Zaman Pleistosen. Zaman Pleistosen berkembang dari sekitar 2.5 juta hingga 10 000 tahun yang lalu. Pengglasieran berlaku secara berulang-ulang.




Zaman Pleistosen



Cetusan Minda


Mengapakah flora dan fauna semakin bertambah selepas berakhirnya Zaman Air Batu?



Zaman Pliosen

2

Wah, bijaknya awak Siva! Terima kasih atas penjelasan awak. Tahap kedua Zaman Air Batu pula dikenali sebagai Zaman Pliosen. Zaman Pliosen berkembang dari sekitar 5.3 juta hingga 2.6 juta tahun yang lalu. Padang rumput dan hutan semakin luas.



Zaman Holosen

4

Wah, semua penjelasan awak amat bernas! Tahap keempat dan terakhir Zaman Air Batu ialah Zaman Holosen. Zaman Holosen berlaku lebih kurang 10 000 tahun yang lalu dan dikenali juga sebagai Zaman Air Batu Akhir. Tamadun manusia mula wujud. Terima kasih, Tai Leong dan Patricia kerana berkongsi maklumat.



Tahukah Anda?

Masih terdapat spesies haiwan yang hidup pada Zaman Air Batu hingga hari ini. Haiwan itu ialah bison dan sloth. Bison banyak ditemui di Amerika. Sloth pula ialah haiwan yang menghuni hutan hujan Amerika Tengah dan Amerika Selatan.

Berakhirnya Zaman Air Batu

UNIT
9

Bumiku



Aktiviti

1. Kenal pasti maklumat tentang Zaman Air Batu Akhir berdasarkan teks dan grafik.
2. Tulis ayat tentang ciri-ciri pada Zaman Air Batu Akhir secara gramatis mengikut konteks.

Zaman Air Batu Akhir atau Zaman Holosen ialah tempoh berlakunya glasier, iaitu kira-kira 10 000 tahun yang lalu. Pada zaman ini, suhu dunia meningkat. Peningkatan suhu menyebabkan perubahan fizikal dan hidupan bumi.



Peningkatan Suhu Dunia

1

- Suhu dunia meningkat.
- Perubahan suhu disebabkan oleh sinaran matahari dan pemanasan bumi.

Zaman Air
Batu Akhir



Kehidupan Manusia

5

- Manusia mulai berpindah ke ____.
- Manusia menjalankan aktiviti ____.



Cetusan Minda

Apakah faktor-faktor lain yang menyebabkan kepupusan haiwan?



Info Bahasa


Apitan meN-...-kan, ke-...-an, di-...-kan, peR-...-an

- perubahan
- disebabkan
- menjalankan
- pertanian
- menyebabkan
- kepupusan

Pengglasieran

2

- Glasier ialah air batu atau ais yang menjadi cair.
- Pengglasieran berlaku apabila bongkah-bongkah ais menggelongsor dari kawasan tanah tinggi.



Perubahan Fizikal Bumi

3

- Paras air laut semakin meningkat.
- Tanah rendah ditenggelami air.
- Kawasan tinggi menjadi pulau.
- Bukit bukau dan tanah tinggi mulai kelihatan.



Kehidupan Haiwan

4

- Perubahan suhu telah menyebabkan beberapa jenis haiwan pupus.
- Faktor kepupusan haiwan ialah ____.



Hebatnya Kesan Pencairan Air Batu

UNIT
9


Bumiku



Aktiviti

1. Rujuk kamus untuk mencari makna perkataan yang berwarna merah dalam artikel blog.
2. Dengan menggunakan perkataan tersebut, tulis ayat mudah tentang kesan pencairan air batu terhadap alam sekitar.

Simon melayari blog gurunya, Cikgu Faridah, untuk mendapatkan maklumat tentang kesan pencairan air batu.



BLOG Anjung Ilmu Amalan Bahasa Melayu

KESAN PENCAIRAN AIR BATU

Apa khabar semua?

Pada hari ini, saya akan membincangkan topik kesan pencairan air batu pada Zaman Air Batu Akhir. Pencairan air batu zaman ini disebabkan oleh peningkatan **suhu** dunia. Proses ini dikenali sebagai pengglasieran.

Pengglasieran mengubah bentuk fizikal bumi, kehidupan haiwan, dan manusia. Glasier ialah air batu yang **mencair** dari kawasan tanah tinggi dan gunung yang membawa ketulan batu serta tanah bersama-sama semasa **menggelongsor**. Lebihan air yang dibawa tersebut akan melimpah ke laut dan ke kawasan tanah tinggi. Fenomena ini menyebabkan kenaikan **paras** air laut dan membentuk pulau-pulau yang indah pada masa ini.

Selain itu, pencairan air batu juga telah menyebabkan kawasan tanah rendah **ditenggelami** air lalu membentuk tasik. Antaranya termasuklah Great Lakes di Kanada, Tasik Dayang Bunting di Malaysia dan Tasik Tujuh di Bulgaria.

Pencairan air batu ini juga menyebabkan saluran sungai berubah kepada bentuk yang ada pada masa ini. Antaranya termasuklah Sungai Mekong, Sungai Amazon dan Sungai Nil.

Baiklah, murid-murid. Sekian untuk kali ini. Semoga kita berjumpa lagi. Terima kasih kerana sudi membaca catatan ini.

Pelawat

90763

Log masuk

- Daftar
- WordPress.com

Tentang Saya

Foto

Arkib blog

Pilih kategori

Pengikut

Masukkan alamat e-mel anda untuk melanggan blog ini

Tinggalkan Komen



Info Bahasa

Kata hubung gabungan
atau, dan, serta, lalu, tetapi



suhu: Peningkatan **suhu** dunia telah menyebabkan pencairan air batu.



mencair: _____



menggelongsor: _____



paras: _____



ditenggelami: _____



Cetusan Minda

Apakah yang berlaku pada glasier yang menggelongsor dari kawasan tanah tinggi?



Tahukah Anda?

Terdapat banyak gas semula jadi yang terperangkap di bawah glasier. Satu daripadanya gas metana yang bertoksik. Pencairan glasier menyebabkan gas metana ini bebas ke udara. Pelepasan gas metana akan meningkatkan pemanasan global, seterusnya mempercepat pencairan glasier. (Sumber: <http://www.utusan.com.my/sains-teknologi/sins/perubahan iklim-pemanasan-global-1.747481>)

Uniknya Benua dan Lautan

UNIT
9

Bumiku



Aktiviti

1. Kenal pasti proses pembentukan benua dan lautan.
2. Kemukakan kronologi pembentukan benua dan lautan dengan betulnya dan jelasny.

Siva dan kawan-kawannya merujuk majalah dan *Ensiklopedia Sains* untuk mendapatkan maklumat tentang proses pembentukan benua dan lautan.

Artikel Bulan Ini

PEMBENTUKAN BENUA DAN LAUTAN

Iklim telah mempengaruhi bentuk fizikal bumi hingga terbentuk daratan dan lautan. Sekitar 250 juta tahun dahulu, permukaan bumi ini hanyalah daratan yang dikenali sebagai Pangea.



Oleh sebab perubahan iklim pada Zaman Air Batu Akhir, Pangea telah menjadi tujuh benua, iaitu Benua Amerika Utara, Amerika Selatan, Eropah, Afrika, Australia (Oceania), Antartika dan Asia.

Sehubungan dengan hal itu, terdapat enam lautan di dunia, iaitu Lautan Atlantik, Lautan Selatan, Lautan Hindi, Lautan Artik, Lautan Pasifik Utara dan Lautan Pasifik Selatan.

Dunia Sains/Bil-6 20

1 Lebih kurang 250 juta tahun dahulu, bumi ialah sebuah daratan yang dikenali sebagai Pangea.



2 Pangea mulai berpecah kepada dua, iaitu Benua Laurasia di utara dan Benua Gondwana di selatan.



3 Benua Laurasia mula bergerak ke utara menjauhi Benua Gondwana. Sekarang, Benua Laurasia menjadi Benua Amerika Utara.



4 Benua Gondwana terpecah menjadi beberapa benua, iaitu Benua Amerika Selatan, Benua Afrika dan Benua India. Benua-benua ini bergerak sehingga terbentuk Benua Eropah, Asia, Antartika dan Australia (Oceania).

5 Kini, terdapat tujuh benua di dunia.



(Sumber: <http://www.britannica.com/science/continental-drift-geology>)



Cetusan Minda

Bagaimanakah kehidupan manusia jika muka bumi masih lagi bercantum sebagai daratan?